

Kajian Pengekalan ‘Character Defining Element’

Masjid Lama Bandar Taiping

AYU IRDINA BINTI AJHARI

UNIVERSITI
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN
MALAYSIA
2022
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KAJIAN PENGEKALAN ‘CHARACTER DEFINING ELEMENT’

MASJID LAMA BANDAR TAIPING

DISEDIAKAN OLEH

AYU IRDINA BINTI AJHARI

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

SURAT AKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam laporan ini telah dijalankan dengan peraturan Universiti Malaysia Kelantan. Laporan ini merupakan asal dan hasil kerja saya sendiri, melainkan menunjukkan atau pengakuan kerja sebagai rujukan bukan akademik bagi apa-apa kelayakan lain.


TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).


SULIT


(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972).


TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan).

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian saya.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



(Tanda tangan pelajar)

Nama: Ayu Irdina Binti Ajhari

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesisini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

Disediakan oleh:



SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM
Pembimbing
Fakulti Teknologi Kreatif & Uraian
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Bachok, Berg Bernunci 50100
Perak, Malaysia

(Tanda tangan penyelia)

Nama: SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh:

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat juga saya menyempurnakan projek penyelidikan ini pada waktu yang telah ditetapkan meskipun terdapat beberapa kekangan yang perlu ditempuhi dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Sharudin Bin Mohamed Som atas nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, bantuan serta sokongan sepanjang menjalankan kajian ini. Saya sangat berterima kasih kepada beliau kerana selalu memberikan pandangan dan buah fikiran berhubung tugasan para pelajar di bawah penyeliaannya agar sentiasa ditambah baik.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Puan Fadzilah Binti Haji Zulkippli dan Ajhari Bin Mohd Said yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan moral dan fizikal serta memberikan dorongan semangat agar saya tidak berputus asa untuk menyelesaikan kajian penyelidikan ini. Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan diatas bantuan, sokongan, toleransi dan doa kalian.

Akhir kata, ucapan terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan diatas bantuan, sokongan, toleransi dan doa kalian ketika saya menghadapi kesulitan dalam menjalankan projek penyelidikan ini. Sebelum saya mengundurkan diri, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan kepada pihak yang terlibat dalam

menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga setiap bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu menyumbangkan ilmu kepada dunia sejarah dan warisan di Malaysia.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Masjid Lama Bandar Taiping yang terletak di tengah bandar Taiping telah dibina pada tahun 1893. Masjid ini pada asalnya sebuah madrasah yang dibina semula dijadikan masjid pertama yang menggunakan batu. Kajian yang dilaksanakan pada masjid ini bertujuan untuk mengetahui pengekalan ‘*Character Defining Element*’ di Masjid Lama Bandar Taiping dimana *CDE* ini merupakan ciri utama dalam pengekalan nilai warisan. Penentuan watak itu sendiri merujuk kepada semua aspek visual dan ciri fizikal yang merangkumi rupa setiap bangunan bersejarah. Pemuliharaan dari aspek *CDE* adalah untuk mengekalkan nilai warisan daripada hilang dan tidak bernilai. Terdapat beberapa pemasalahan yang wujud semasa kajian ini dilakukan. Antaranya ialah kurang penjelasan mengenai latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping serta kajian terhadap *CDE* tidak banyak diketengahkan lagi di Malaysia. Jadi satu kajian khusus terhadap *CDE* dijalankan. Seterusnya, kurang kajian mengenai pemuliharaan berdasarkan *CDE* terhadap Masjid Lama Bandar Taiping disebabkan oleh kurang pendedahan dari pihak bertanggungjawab. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif bagi mendapatkan segala data dan maklumat yang sah dan benar. Oleh itu, kajian yang dilakukan adalah untuk membantu dan menjadi panduan terhadap tahap pengekalan ‘*Character Defining Element*’ Masjid Lama Bandar Taiping agar dapat mengangkat martabat bangunan warisan supaya dapat dikekalkan dan dapat diketahui sejarah dan seni bina yang dimiliki.

Kata Kunci: *Character Defining Element*, Masjid Lama Bandar Taiping, pemuliharaan

ABSTRACT

Masjid Lama Bandar Taiping located in the center of Taiping city was built in 1893. This mosque was originally a madrasah that was rebuilt as the first mosque to use stone. The study carried out on this mosque aims to find out the retention of the '*Character Defining Element*' in the Masjid Lama Bandar Taiping where this *CDE* is the main feature in the retention of heritage value. The determination of character itself refers to all the visual aspects and physical features that comprise the appearance of each historic building. Conservation from the *CDE* aspect is to preserve the heritage value from being lost and worthless. There are several problems that exist during this study. Among them is the lack of explanation about the background of the Masjid Lama Bandar Taiping and the study of *CDE* is not highlighted much anymore in Malaysia. So a specific study on *CDE* was conducted. Next, there is less research on *CDE*-based conservation of Masjid Lama Bandar Taiping due to lack of disclosure from the responsible parties. The research methodology used in this study is a qualitative method to obtain all valid and true data and information. Therefore, the research done is to help and be a guide to the level of retention of the '*Character Defining Element*' of the Masjid Lama Bandar Taiping in order to raise the dignity of the heritage building so that it can be maintained and the history and architecture of it can be known.

Keyword: *Character Defining Element*, Masjid Lama Bandar Taiping, conservation.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	I-II
ABSTRAK	III
ABSTRACT	IV
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Latar Belakang Kajian	3-4
1.2 Permasalahan Kajian	4-5
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6-8
1.6 Kepentingan Kajian	8-9
1.7 Penutup	10
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Sorotan Kajian Lepas	11-12
2.3 Definisi Masjid	12-13
2.4 Seni Bina Masjid	13-16
2.5 Elemen Watak Bangunan Masjid	16-19

2.6 Kesimpulan

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	20
3.2 Kaedah Kajian	21
3.2.1 Kaedah Kualitatif	21-23
3.2.2 Kaedah Kuantitatif	23
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	23
3.3.1 Data Primer	24
3.3.2 Data Sukender	24-25
3.4 Kaedah Analisis Data	25-26
3.5 Rekabentuk Kajian	26-28
3.6 Instrumen Kajian	29-30
3.7 Kesimpulan	30

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1: Pengenalan	32
4.2: Mengkaji Latar Belakang Masjid Lama Bandar Taiping	33
4.2.1: Sejarah Masjid Lama Bandar Taiping	33
4.3: Analisis Demografi Responden	
4.3.1: Demografi Responden Berdasarkan Umur	35
4.3.2: Demografi Responden Berdasarkan Bangsa	36
4.3.3: Demografi Responden Berdasarkan Status	37

4.3.4: Demografi Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan	39
4.3.5: Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan	40
4.3.6: Demografi Responden Hubungan DengaN Masjid	41
4.4: Analisis Dapatkan Sejauh Mana Elemen Binaan Masjid Memberi <i>Identity</i> Kepada Masjid Lama Bandar Taiping	
4.4.1: Kepala Fasad	42
4.4.2: Pediment Kecil	43
4.4.3: Bumbung Masjid	44
4.4.4: Pintu Masjid	46
4.4.5: Dinding Masjid Yang Mempunyai Fasad Enam Segi	47
4.4.6: Tingkap Masjid	48
4.4.7: Tiang Masjid (<i>Decorated Column</i>)	49
4.4.8: Pinnacle	51
4.4.9: Gerbang Pintu Masjid	52
4.3: Menyiasat Tahap Pengekalan CDE Masjid Lama Bandar Taiping	
4.3.1: Kepala Fasad	56
4.3.2: Pedimen Kecil	57
4.3.3: Bumbung Masjid	58
4.3.4: Pintu Masjid	59
4.3.5: Dinding Masjid Yang Mempunyai Fasad Enam Segi	60
4.3.6: Tingkap Masjid	61
4.3.7: Tiang Masjid (<i>Decorated Column</i>)	62

4.3.8: <i>Pinnacle</i>	64
4.3.9: Gerbang Pintu Masjid	65
BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1: Pengenalan	66
5.2: Perbincangan Dapatan Kajian	66
5.2.1: Mengkaji Latar Belakang Masjid Lama Bandar Taiping	67
5.2.2: Menegenal Pasti CDE Yang Terdapa	67
5.2.3: Menyiasat Tahap Pengekalan CDE Masjid Lama Bandar Taiping	68
5.3: Cadangan	69
5.3.1: Membuat Dokumentasi	69
5.3.2: Mengadakan Promosi	69
5.4: Rumusan Bab	69
Rujukan	70-73
Lampiran	74-75

BAB 1

PENDAHULUAN KAJIAN

1.0 Pengenalan

Pembangunan bersejarah di Malaysia sangat banyak. Kebanyakan bangunan bersejarah yang ada di Malaysia dibina antara tahun 1800 hingga 1900 (Zuraidi, 2014) . Masih terdapat bangunan lama yang masih berdiri kukuh di antara pembangunan moden seperti bangunan pentadbiran kerajaan, sekolah, masjid, tokong dan gereja. Setiap bangunan di Malaysia mempunyai identiti dan sejarah tersendiri. Menurut Idid, S.Z.A (1996) identiti ialah kelainan yang ada pada gambaran atau imej sesuatu tempat sehingga dapat membezakannya dengan tempat-tempat lain. Bangunan lama memainkan peranan penting dalam membentuk identiti sesuatu tempat. Perbandaran di Malaysia mempunyai pola rupa bandar yang mempunyai nilai budaya dimana ia lenyap tidak dapat diganti lagi. (Idid, S.Z.A 1996).

Peninggalan bangunan yang mempunyai ciri kolonial Belanda sangat banyak di Malaysia. Selain dari rumah tradisional, rumah kedai Cina terdapat juga bangunan kolonial yang mendominasi lanskap seni bina di Malaysia (Jabatan Warisan Negara, n.d.) . Taiping merupakan salah satu contoh bandar warisan yang mempunyai bangunan kolonial yang telah dibaik pulih. Kebanyakan senibina bangunan kolonial diubahsuai dengan kesesuaian keadaan iklim Malaysia. Hal ini kerana, teknik konservasi yang digunakan tidak boleh sewenang-

wenangnya sama dengan teknik di Eropah walaupun reka bentuk dan gaya seni binanya sama. Setiap bangunan bersejarah mempunyai *Character Defining Element* yang menunjukkan pengaruh asal bangunan dari aspek keseluruhan bangunan, bahan yang digunakan, ketukangan, butiran hiasan, ruang dan ciri dalaman, serta aspek tapak dan persekitarannya (Lee H. Nelson & FAIA, n.d.). Pemuliharaan bermaksud semua tindakan atau proses yang akan melindungi *CDE* bagi mengekalkan nilai warisan dan memanjangkan budaya warisan. Pemuliharaan melibatkan pemeliharaan dan pemulihan atau gabungan proses ini. Pembinaan semula atau penyusunan semula yang hilang tidak dianggap sebagai pemuliharaan kerana telah berlaku pengubahsuaian yang mengakibatkan perubahan fizikal kepada tempat bersejarah tersebut.

Character Defining Element merupakan ciri utama dalam pengekalan nilai warisan yang ada pada ciri uniknya, tempat dan masa. *CDE* merupakan salah satu langkah dalam proses pemuliharaan dari segi mengenal pasti, memelihara dan mengekalkan unsur-unsur warisan (Park Canada, 2009). Setiap bangunan mempunyai ciri dan identiti yang unik dan tersendiri. Definisi watak merujuk kepada semua aspek visual dan ciri fizikal yang merangkumi rupa setiap bangunan bersejarah. *CDE* termasuk setiap keseluruhan bentuk bangunan, bahan, ketukangan, butiran hiasan, ruang dan ciri dalaman, serta pelbagai aspek tapak dan persekitarannya (Lee H. Nelson & FAIA, n.d.). Pada tahun 1988, *CDE* boleh difokuskan kepada warisan ketara dan warisan tidak ketara di mana ia dapat menyampaikan sejarah penting atau nilai warisan sesebuah bangunan. Namun begitu, Parks Canada (2011) mencadangkan untuk mengategorikan *CDE* antara warisan ketara dan tidak ketara di mana warisan ketara termasuk bahan yang digunakan, bentuk, lokasi dan konfigurasi ruang bangunan manakala warisan tidak ketara pula melibatkan kegunaan, budaya sosial, dan perkaitan dengan sejarah bandar serta lagu.

1.1 Latar Belakang Kajian

Lokasi bagi kajian yang dijalankan ialah di Taiping, Perak. Bandar Taiping dahulu dikenali sebagai Klian Pauh dan kemudian digelar kepada Taiping pada tahun 1874 selepas tamatnya Perang Laut.. Perkataan Taiping mempunyai maksudnya tersendiri iaitu aman selamanya. Ia diambil dari perkataan Cina iaitu “*Tai-Peng*” (Majlis Perbandaran Taiping, n.d.). Bandar Taiping mempunyai keunikan tersendiri dari segi pembangunan dan sejarahnya sehingga diisyihar sebagai Bandar Warisan dan destinasi pelancongan warisan. Menurut Abdul Halim Yahya, pengkaji sejarah mengatakan bangunan warisan Taiping sangat unik, malah pengertiannya dalam sejarah awal perkembangan Malaysia kepada sesebuah negara (Iszahanid, 2017).

Masjid Lama Bandar dibina pada tahun 1893 oleh keluarga Ngah Ibrahim dimana bangunan masjid ini mempunyai ciri rekabentuk yang tersendiri dan nilai seni bina yang tinggi. Masjid ini pada awalnya merupakan sebuah madrasah yang berdindingan kayu. Seni bina masjid ini dipengaruhi oleh budaya Belanda. Masjid Lama Bandar Taiping merupakan masjid pertama yang dibina menggunakan batu di bandar Taiping. Masjid Lama Bandar Taiping telah digazetkan sebagai bangunan warisan di bandar Taiping kerana telah berdiri daripada 100 tahun. Terdapat makam dan kubur tokoh-tokoh dan insan yang terkenal di Perak dan Tanah Melayu di belakang masjid. Orang pertama yang disemadikan di makam ini ialah Toh Puan Halimah Binti Laksamana Muhammad Amin. Sehingga kini, makammakam lama dijaga dan dipelihara dengan baik (Jasbindar Aziz, 2019). Bangunan masjid ini masih berstruktur kukuh tetapi telah mengalami pengubahsuaian pada beberapa bahagian. Gaya rupa masjid ini merupakan pengaruh dari gaya Belanda-Inggeris di mana ia merupakan rekabentuk zaman kolonial dan telah diubahsuai mengikut keadaan cuaca tempatan. Gaya rupa masjid ini dapat dikenalpasti melalui beberapa komponen iaitu

dari segi bentuk, fasad bangunan dan elemen yang membina sesebuah bangunan. Masjid ini tidak mempunyai kubah sebagai simbolik terhadap masjid ini. Terdapat juga pengaruh lain yang ada pada reka bentuk masjid ini iaitu pengaruh Moghul. Contoh yang ketara yang ada pada Masjid Lama Bandar Taiping ialah kepala bangunan yang sangat jarang ditemui . Di kepala bangunan tersebut terdapat ruang udara di tengah dan kekurangan hiasan bagi mengatasi masalah iklim. Seni bina kepala bangunan ini menggantikan kubah yang tidak terdapat pada masjid tersebut. Selain itu, reka bentuk pada tingkap, pintu dan bumbung yang dipinjam dan diubahsuai menjadi elemen dan rekabentuk bangunan (Zaini, 2006).

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian amat penting dalam penyelidikan yang dijalankan. Permasalahan kajian merupakan isu yang berkait rapat yang dilakukan dalam penyelidikan. Melalui kajian yang dijalankan terdapat beberapa pemasalahan kajian yang dikesan oleh pengkaji.

Permasalahan kajian bagi kajian ini ialah kurang penjelasan mengenai latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping. Memandangkan kajian terhadap masjid ini tidak banyak dilakukan jadi orang ramai kurang mengetahui tentang sejarah masjid ini. Antara menjadi pertanyaan ialah mengenai ragam hias kepala bangunan yang digunakan pada Majid Lama Bandar Taiping di mana masjid ini tidak mempunyai kubah. Kepala bangunan pada masjid ini menjadi pertanyaan kepada pelawat yang datang kerana senibinanya lain daripada masjid di sekitar kawasan itu. (Abd Ghafar, 2015)

Seterusnya, kajian terhadap *CDE* bangunan masjid di Malaysia belum banyak dilakukan, maka satu kajian yang spesifik terhadap *CDE* masjid akan dilakukan. Menurut Nelson, 1988 beliau mengatakan pengenalpastian *CDE* boleh dilakukan melalui pendekatan khusus seperti bentuk bangunan yang boleh dijelaskan melalui sejarah yang mempengaruhi reka bentuk bangunan (Azmi et al., n.d.). Masjid Lama Bandar Taiping dijadikan sebagai kajian penyelidikan bagi

meneliti perkembangan senibina masjid dari segi gaya rupa dan perubahan pada senibinanya. Menurut Arthantya Dwi Karisztia et al (2008), sesuatu gaya bangunan dapat di kenalpasti melalui mukaan bangunan. Hal ini adalah muka bangunan adalah paling senang untuk dikenali memandangkan ia adalah penampilan bagi sesuatu senibina. Jadi dengan adanya kajian ini, sedikit sebanyak dapat memberi sumbangan terhadap pengekalan penentu elemen watak di Malaysia dan di Taiping, Perak khususnya. (Mohd Noor, 2016)

Selanjutnya, kurangnya kajian mengenai pemuliharaan berdasarkan *CDE* terhadap Masjid Lama Bandar Taiping. Menurut Yuszaidy Mohd Yusoff, beliau menyatakan kurang pendedahan yang jelas daripada pihak bertanggungjawab mengenai aktiviti pemuliharaan masjid lama. Walaupun banyak penyelidikan menjalankan kajian mengenai kerosakan bangunan namun ia tidak merangkumi pemuliharaan setiap jenis bangunan berdasarkan *CDE* (Nazeerdin, n.d.)

1.3 Persoalan Kajian


Terdapat beberapa persoalan yang dapat dibangkitkan merujuk kepada beberapa isu dalam latar belakang dan kenyataan masalah. Antaranya ialah:

1. Adakah latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping telah diketahui oleh orang ramai?
2. Bagaimanakah cara untuk mengekalkan *Character Defining Element* bagi Masjid Lama Bandar Taiping?
3. Apakah tahap bagi mengekalkan karakter bangunan Masjid Lama Bandar Taiping?

1.4 Objektif

1. Mengkaji latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping
2. Mengenalpasti '*Character Defining Element*' yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping.
3. Menyiasat tahap pengekalan *CDE* Masjid Lama Bandar Taiping.

1.5 Skop Kajian



Rajah 1: Peta Masjid Lama Bandar Taiping

Skop kajian ini memfokuskan kepada Masjid Lama Bandar Taiping, Perak yang dijadikan sebagai tempat kajian pengkaji. Seperti di dalam Peta 2 Masjid Lama Bandar Taiping terletak di Jalan Kota, Kampung Jambu, Taiping Perak. Masjid Lama Bandar Taiping ini dibina pada tahun 1893. Masjid ini dibina sebagai tempat beribadah dan juga aktiviti keagamaan seperti tempat berkongsi ilmu pengetahuan, meraikan perayaan dan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan antara umat Islam. Di Bandar Taiping terdapat pelbagai tarikan seperti Tasik Taiping, Zoo

Taiping dan Stesen Keretapi pertama yang menghubungkan antara Taiping dan Kuala Lumpur.

Tapak kajian ini terletak di sekitar pusat bandar yang menjadi tumpuan orang datang melawati.

Di dalam kajian saya ini, skop kajian ini tertumpu kepada CDE yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping. Karakter yang ada pada seni bina Masjid Lama Bandar Taiping menjadi aspek utama kajian ini. Pengkaji memfokuskan karakter yang terdapat pada luar fasad bangunan masjid ini seperti kepala fasad, pediment kecil, bumbung masjid, pintu masjid, dinding masjid yang mempunyai fasadn enam segi, tingkap masjid, tiang masjid, *pinnacle*, gerbang pintu masjid.



Rajah 2: Bangunan asal Masjid Lama Bandar Taiping



Rajah 3: selepas pengubahsuaian Masjid Lama Bandar Taiping

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik mempunyai nilai kepentingan dan memberi manfaat kepada semua pihak. Kajian berkaitan Masjid Lama Bandar Taiping dapat memberikan faedah kepada masyarakat khususnya kepada penduduk Taiping. Antara kepentingan yang ingin dicapai ialah:

1.6.1 Kepentingan Individu

Kepentingan kajian kepada individu ialah dapat menjadi sebagai bahan rujukan kepada kajian penentu elemen watak Masjid Lama Bandar Taiping. Di sepanjang kajian ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa bahan rujukan sahaja untuk dirujuk. Oleh itu, pengkaji berharap dengan adanya kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan memudahkan pengkaji lain untuk meneruskan kajian ini. (Zaini, 2006). Kajian ini memberi ruang kepada penyelidik menyambung legasi kajian pada masa hadapan berasaskan sorotan kajian yang jitu dan sahih yang dibuat pada masa kini.

Seterusnya, kajian ini dapat memberi faedah kepada pihak bertanggungjawab terhadap Masjid Lama Bandar Taiping dengan adanya rangka cadangan cara pemeliharaan.

1.6.2 Kepentingan Masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah dapat memberi pendedahan yang lebih mendalam dan dapat menambah ilmu tentang CDE Masjid Lama Bandar Taiping. Masyarakat juga berpeluang untuk mengetahui identiti dan nilai warisan yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping. Masjid ini mempunyai nilai warisan tersendiri. maka, dengan adanya kajian ini dapat membuka mata masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan masjid ini. Oleh itu, harapan pengkaji kajian ini dapat memberi panduan dan rujukan kepada masyarakat untuk menghargai khazanah negara ini. (Zaini, 2006).

1.6.3 Kepentingan Masjid Lama Kepada Daerah Taiping

Bangunan bersejarah yang terdapat di Bandar Taiping dapat menunjukkan bukti visual pada masa lalu. Hal ini kerana, ini dapat menunjukkan bahawa Bandar Taiping merupakan satu imej yang jelas dan menjadi identiti kepada sebuah bandar warisan. Umumnya, bangunan bersejarah mempunyai ciri-ciri fizikal sebuah bandar warisan dan dapat membezakannya dengan bandar biasa yang lain. (Zaini, 2006. Bagi memelihara seni bina Masjid Lama Bandar Taiping, penyelenggaraan perlu dilakukan mengikut piawaian yang telah ditetapkan kerana masjid ini telah digazetkan sebagai bangunan warisan. Oleh hal yang demikian, ia akan menjadi tarikan kepada pelancongan dan memelihara nilai warisan yang sedia ada.

1.6.4 Kepentingan Negara

Walaupun kajian mengenai elemen penentu watak masih baru dan dalam peringkat awal, tetapi penting bagi usaha-usaha dalam pemeliharaan bangunan warisan bagi mengelakkan ia lenyap di bawah arus pembangunan moden. Melalui usaha ini terdapat pelbagai langkah dapat diambil bagi menyelamatkan bangunan dan monumen daripada dimusnahkan pada masa hadapan. (Zaini, 2006)

1.7 Penutup

Secara keseluruhannya, pengkaji mendaopati masjid ini telah banyak diubah suai dari segi bahan dan seni binanya. Oleh hal yang demikian disebabkan masjid ini mempunyai nilai warisan tersendiri, kajian ini akan menumpukan kepada pemuliharaan CDE terhadap Masjid Lama Bandar Taiping. Berpandukan dengan objektif dan kepentingan kajian yang akan menjadi penggerak utama dalam melaksanakan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kajian terdahulu yang dilakukan oleh para sarjana berkaitan latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping, elemen karakter, dan tahap pengekalan karakter masjid. Kajian terdahulu telah dipecahkan mengikut beberapa kategori penting seperti latar belakang masjid, elemen karakter yang terdapat pada masjid dan pengekalan karakter pada bangunan masjid.

Menurut Fink (1988), sorotan kajian lepas adalah suatu ulasan tentang permasalahan yang dikaji yang sistematik dan jelas untuk menilai dan mentafsir hasil penulisan oleh penyelidik. Kajian yang telah dilakukan perlu dicatat semula dengan sistematik supaya mudah untuk dirujuk kemudian nanti. (Sorotan Kajian, n.d.). Amani Dahaman (2011), mengatakan tinjauan literatur atau sorotan kajian merupakan segala bahan bertulis yang ilmiah, sama ada bersifat teoritikal atau empirikal. Sorotan ialah ulasan perinican maklumat daripada buku, akhbar, jurnal dan bahan-bahan lain yang bertulis yang mengandungi penyelidikan yang lepas. Oleh itu, dengan adanya sorotan kajian ini, ia dapat membantu pemahaman pengkaji dengan lebih mendalam.

2.2 Sorotan Kajian Lepas

Sorotan kajian lepas merupakan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik dan didokumentkan untuk dijadikan sebagai rujukan pada masa hadapan. Blanche dan Durheim (n.d) mengatakan bahawa tujuan utama sorotan kajian lepas ialah untuk mengenal pasti kelemahan serta memahami masalah yang dikaji

bagi mendapat pefahaman terhadapa masalah itu. Hal ini adalah penting untuk membolehkan pengkaji mengenalpasti, merumuskan dan menyatakan dengan jelas mengenai kajian yang difokuskan. Sorotan kajian di dalam bab ini akan mengkaji tentang aspek yang berkaitan tentang latar belakang, elemen karakter dan tahap pengekalan karakter pada masjid. (Jaani, n.d.)

2.3 Definisi Masjid

Menurut Kamus Dewan (2005), masjid bermaksud bangunan khas tempat orang Islam beribadat. Perkataan masjid merupakan kata kerja bahasa Arab iaitu sajada bererti sujud. Oleh itu, masjid merupakan salah satu makna yang bermaksud tempat sujud. Masjid merupakan salah satu seni bina Islam yang paling ketara di muka bumi. Perkataan masjid menjadi signifikasi kepada sebuah bangunan yang digunakan oleh orang Islam sebagai tempat sembahyang. Masjid merujuk Siti Mashitoh (2004) ialah sebuah bangunan yang digunakan bagi kegunaan solat Jumaat dan aktiviti ibadah lain yang dibenarkan dalam Islam. Menurut pandangan Frishman dan Khan (2002), masjid merupakan tempat orang Islam menunaikan ibadat dan juga menunaikan solat Jumaat pada hari Jumaat. (Mohd Shafie et al., n.d.)

Sofyan Syafri Harahap (1996) yang menulis kajian mengenai Manajemen Masjid menyatakan masjid merupakan antara unsur yang terpenting bagi masyarakat Islam. Masjid mempunyai maksud yang mendalam bagi umat Islam dalam kehidupan, dari segi fizik maupun spiritual. Perkataan masjid berasal dari kata *sajada-yasjudu-masjidan* yang bermaksud tempat sujud. Menurut pandangan Arum Dani Yati (2020) dalam kajiannya mengatakan masjid adalah keperluan kerohanian yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat solat tetapi juga boleh dijadikan sebagai pusat kegiatan sosial kemasyarakatan. Di dalam Al-Quran ada menerangkan beberapa ayat tentang fungsi masjid sebagai tempat yang banyak menyebut nama Allah iaitu berzikir, tempat beribadah, tempat beriktikaf dan dijadikan pusat pertemuan umat Islam yang membicarakan tentang urusan hidup serta perjuangan. Hal ini seperti firman Allah di dalam Alquran surah At-Taubah ayat 18:

“hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Dapat disimpulkan, masjid merupakan pusat ibadat yang mempunyai pengertian luas dalam kehidupan manusia. Di masjid juga masyarakat melakukan akad nikah, membayar zakat dan mempelajari kehidupan islamik dari aspek ekonomi, sosial, politik dan budaya. Jadi jelaslah masjid mempunyai peranan sebagai pangkalan pembangunan insan yang berpaksikan kepada akidah yang benar dalam membentuk masyarakat ke arah memiliki nilai-nilai hidup yang mulia. (Arum Dani Yati, n.d.)

Menurut Syamsul Kurniawan (2014) melalui kajiannya yang bertajuk Masjid Dalam Lintasan Sejarah Umat Islam menyatakan masjid merupakan tempat umat Islam yang tidak disebut marka (tempat rukuk) atau dengan kata lain ialah rukun solat. Dalam Kamus al-Munawwir (1997: 610) bermaksud membungkuk dengan khidmat. Dari akar kata tersebut maka wujudlah perkataan masjid yang menunjukkan arti tempat sujud (*isim makan* dari *fi'il sajada*). Sujud merupakan salah satu rukun solat, sebagai usaha seorang hampa mendekatkan diri pada Allah SWT. Istilah *isim makan* menunjukkan tempat untuk solat dan diambil dari kata sujud yang kemudian menjadi masjid. Sujud dapat diertikan dengan perbuatan yang meletakkan kening ke tanah dalam maksud lain ialah menyembah. Sajadah pula diambil dari *sajjadatun* yang bermaksud sujud di atas selembar kain atau karpet yang diguna khas untuk solat. (Kurniawan, 2014)

2.4 Seni Bina Masjid

Seni bina boleh ditakrifkan sebagai seni dan bina. Seni atau *art* merupakan perkataan Latin yang memfokuskan tentang kerja tangan atau ukiran. Menurut Lois Larnya al-Faruqi, 1984, pada abad pertengahan definisi ini amat luas digunakan terutama dalam kerja tangan atau aktiviti teknikal. Menurut *Kamus Dewan*, bina bermaksud gaya sesuatu bangunan direka bentuk dan dibina khususnya pada zaman

atau tempat tertentu bangunan. Perkataan bina juga boleh diistilahkan sebagai gaya sesuatu bangunan didirikan dan bentuk bangunan yang dibina pada zaman tertentu (Kamus Dewan, 2005). Seni bina juga dibincangkan di dalam Oxford Dictionary iaitu salah satu kesenian dalam mereka bentuk sesebuah bangunan termasuk gaya rupa sesuatu bangunan.(Ahmad & Mujani, n.d.)

Melalui artikel yang ditulis oleh Fairuzah (2002) yang bertajuk Seni bina masjid di Malaysia menyatakan terdapat dua bentuk seni bina masjid di Malaysia iaitu melalui pengaruh tradisi serantau atau lebih dikenali sebagai masjid tradisional. Bentuk masjid kedua pula lebih kepada pengaruh dari terutama dari Timur Tengah, Maghribi serta India di mana masjid ini dibina selepas merdeka dan penjajahan. Pembinaan masjid tradisional masih terikat dengan pengaruh iklim dan persekitaran yang tidak menentu sepanjang tahun. Di dalam artikel ini juga membincangkan tentang seni bina masjid yang menyentuh mengenai ciri-ciri masjid seperti bumbung atau kubah, dewan sembahyang, mimbar, mihrab dan menara. Hasil daripada kajian mendapati bentuk bumbung masjid tradisional lebih dikenali dengan bentuk atap tumpang. Hal ini kerana beberapa lapis bumbung dibina secara tersusun dan terdiri dari tiga atau lima lapis. Menurut S. Vlatisas (1990), bumbung berlapis atau bertingkat dan mahkota atap ini merupakan pengaruh dari bentuk bumbung piramid yang terdapat pada bangunan Pagoda China.

Manakala bagi masjid kedua pula ialah masjid berkubah yang mendapat pengaruh Asia Barat dan India. Reka bentuk masjid ini menggantikan masjid bumbung bertingkat. Pada masjid ini menggunakan kubah berbentuk separuh bulat dan dinding kubah dihiasi dengan corak arabesque seperti corak geometri, tumbuh-tumbuhan dan kaligrafi. Contoh masjid berkubah yang penuh dengan ciri-ciri seni bina Asia Barat ialah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah. Menara pula merupakan salah satu tempat yang tinggi untuk melaungkan azan. Ia belum wujud sebelum kedatangan Islam. Kewujudan menara tinggi ini memberi perubahan pada masjid tradisionaldi mana setelah wujud pengaruh luar seperti pengaruh Cina dan India, masjid telah dilengkapi dengan menara. Binaan menara terasing dari binaan masjid. reka bentuknya jelas dari pengaruh luar di mana ia diperbuat dari batu. Contohnya ialah menara masjid Tengkera yang begitu dekat dengan bangunan Pagoda dan menara masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah yang menyamai

bentuk menara masjid di Timur Tengah. Umumnya, seni bina masjid tradisional dan masjid kini mempunyai keistimewaan dan keindahan tersendiri. Kesenian dan keindahan yang ada pada masjid zaman ini menunjukkan bahawa Islam tidak menolak aspek yang berkaitan dengan keindahan yang boleh mencerminkan kebersihan dan tata hias yang menarik. (F. Basri, n.d.)

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Noor Hafiza Ismail et al. (2015), tentang Keindahan Rekabentuk Masjid Melayu. Setiap reka bentuk masjid mempunyai maksud yang tersirat dan tersurat. Setiap rekabentuk dihasilkan bukan hanya bersifat kecantikan semata-mata akan tetapi mempunyai fungsi dan nilai estetik yang tersendiri. Hasil kajian mendapati salah satu dari ketamadunan Islam ialah melalui seni bina dan kesenian yang sangat dikagumi pada suatu ketika dahulu. Seni bina menjadi pengukur dalam ketinggian sesuatu tamadun sama ada sebelum atau selepas kedatangan Islam. Kebanyakan rekabentuk masjid ini mempunyai identiti negara itu sendiri. Sebagai contoh, masjid di Malaysia banyak mengetengahkan budaya bangsa dan budaya luar hasil dari magrasi penduduk dan penjajahan pada masa dahulu. Umumnya, seni ukir sangat dikagumi oleh setiap lapisan masyarakat kerana keindahannya yang ada pada bahagian luar dan rekabentuk masjid. Hal ini adalah kerana setiap masjid yang dibina memaparkan nilai budaya yang di amalkan dalam kalangan masyarakat dan pengaruh luar. Oleh itu, pengekalan identiti bangsa dalam sesebuah rekabentuk memainkan peranan penting kerana ia menjadi salah satu identiti seni ukiran dalam reka bentuk masjid sesuatu bangsa dan negara khususnya. (Ismail et al., n.d.)

Noorzahidah Mohd Zain et. Al (n.d) telah menjalankan kajian mengenai Masjid Besi, Putrajaya: Rekabentuk Dan Hubungannya Dengan Senibina Islam. Dala kajian ini membincangkan mengenai rekabentuk seni bina Masjid Besi dengan melihat hubungannya dengan seni bina Islam dan unsur-unsur pengaruh yang terdapat pada seni bina masjid tersebut. Masjid Besi, Putrajaya mempunyai beberapa keistimewaan seperti menggunakan gas penyejuk, Anyaman Masyrabiah yang diimport dari Jerman dan China. Masjid Besi mempunyai seni bina yang unik dan mewah sehingga masjid ini menjadi salah satu mercu tanda baru di Wilayah Putrajaya dan ia merupakan masjid di tengah bandar raya yang juga dikenali sebagai Masjid Bandar Raya. Senibina masjid dianggap sebagai pusat segala kegiatan keislaman malah

merangkumi aktiviti kesenian. Seni kaligrafi dapat melahirkan keharmonian kerana keindahannya serta hiasan arabes yang terukir di ruang masjid. Pembinaan Masjid Besi, Putrajaya pada mulanya di kecama daripada pelbagai pihak kerana ia dianggap sebagai pembaziran. Namun, belum mencecah 10 tahun ia telah menjadi pusat pelancongan yang wajib hadir kerana panorama yang menarik, berbeza, moden dan unik tanpa menjelaskan unsur semulajadi sehingga diberi jolokan sebagai Bandar Dalam Taman. Rekabentuk masjid ini adalah berdasarkan kepada unsur-unsur kebudayaan Islam dan Melayu. Antaranya ialah di mimbar di mana ia direka khas oleh pihak Arkitek Kumpulan Senireka. Batu marmar putih yang digunakan dalam membina mimbar adalah untuk menambahkan lagi keindahan dan keunikan yang ada. Selain itu, kubah yang ada pada Masjid Besi, Putrajaya berkONSEPkonseptual kontemporer yang seiring dengan reka bentuk moden masjid-masjid yang ada pada luar mahupun dalam negara. Ukiran kalimah Allah yang ada pada bahagian tengah dan dalam kubah masjid ini menjadi keunikan yang terdapat pada Masjid Besi, Putrajaya. Jelaslah, seni bina Islam sangat berkait rapat dengan seni bina masjid. Rekabentuk Masjid Besi, Putrajaya yang direka oleh pereka tempatan mempunyai senibina Islam yang berkONSEPkonseptual waqaf yang besar. Pada zaman Rasulullah s.a.w yang membina masjid dengan struktur yang sederhana sehingga menjadi sebuah bangunan yang indah dan menarik. Ajaran Islam itu sendiri mengajar untuk bersifat kesederhanaan dalam apa jua perkara. (Mohd Zain et al., n.d.)

2.5 Elemen Watak Bangunan Masjid

Kajian lepas berkaitan elemen watak bangunan masjid yang mempunyai tarikan tersendiri dimana masjid ini mempunyai banayk dekorasi sehingga ia mempengaruhi bentuk masjid. Banyak corak hiasan di beberapa komponen bangunan masjid seperti mihrab, dinding kiblat dan tiang masjid. Pada hiasan pintu jendela Masjid Al-Akbar, Surabaya terdapat beberapa hiasan yang kebiasaannya ada pada masjid lain. Contohnya, tulisan yang menonjol sering muncul di mihrab dan terdapat khat besar. Kaligrafi dari petikan al-Quran sering digambarkan dalam kebanyakan masjid termasuklah tarikh perasmian bangunan tersebut. Masjid Al-Akbar Surabaya mempunyai salah satu kelebihan di mana ia mempunyai persamaan dengan masjid lain dari segi corak ukiran dan kaligrafi yang menghiasi pelbagai elemen. Secara umumnya, bentuk

hiasan masjid ini hampir sama dengan masjid kuno di mana terdapat ukiran dan khat yang menghiasi dinding dan beberapa elemen yang sering menghiasi masjid pada zaman dahulu. Masjid AlAkbar Surabaya mempunyai 1 kubah besar dan disokong oleh 4 kubah kecil berbentuk piramid serta 1 menara yang mempunyai ciri khas. Keunikan bentuk kubah masjid ini ialah kubah yang hampir menyerupai setengah telur dengan 1.5 lapisan dan ketinggian 27 meter. Walaupun kubah bukanlah satu keperluan atas tetapi ia mempunyai makna simbolik tersendiri dalam masjid. motif geometri, stellate atau tumbuh-tumbuhan merupakan hiasan dalaman kubah yang mencipta corak yang menakjubkan bertujuan untuk mengagumkan dan memberi inspirasi. Kubah masjid ini menghasilkan karakter tersendiri dan berkadar dengan bentuk jisim masjid. Seiring dengan perkembangan yang semakin maju, terdapat banyak perubahan yang berlaku pada bentuk masjid di Surabaya. Peralihan budaya, perkembangan teknologi dan faktor dana menjadi menjadi penyebab kepada perubahan ini. Perubahan yang paling ketara ialah dalam penggunaan bahan mentah dalam pembinaan masjid. (Ghozali & Zuhri Syaifuddin, n.d.)

Dion Farhan Harun et. Al (n.d) menyatakan dalam kajian yang bertajuk Karakter Visual Bangunan Masjid Tuo Kayu Jao di Sumatera Barat, watak visual memberi perhatian keseluruhannya kepada unsur bagi membentuk fasad luaran dan dalaman Masjid Tuo Kayu Jao. Antara karakter bangunan ialah pada gaya bangunan, pintu, tingkap, bumbung, siling, lantai dan dinding. Sumatera Barat memilik masjid yang kebanyakannya memiliki ciri khas dalam seni bina. Alam semula jadi merupakan bahan utama dalam pembinaan masjid seperti kayu balak sebagai tiang dan kekuda bumbung, papan kayu sebagai lantai dan dinding serta gentian sebagai bahan penutup bumbung. Masjid dan surau yang belum mengalami pemuliharaan yang besar masih mengekalkan ciri karakter pada bangunan. Masjid dan surau merupakan saksi kemasukan dan perkembangan Islam di Sumatera Barat. Masjid Tuo Kayu Jao Kabupaten Solok ialah salah satu masjid tertua yang ada di Sumatera Barat. Gaya bangunan Masjid Tuo Kayu Jao mempunyai gaya gabungan Islam dan juga gaya Minangkabau. Walaupun budaya ajaran Hindu banyak mempengaruhi seni bina masjid tetapi ciri khas budaya asli tidak hilang pada bentuk masjid kuno di Minangkabau. Ragam hias yang ada pada Masjid Tuo Kayu Jao berfungsi sebagai lubang angin yang terdapat pada dinding antara atap tingkat 1 dan

tingkat 2. Pada bahagian dinding bangunan juga terdapat ragam hias sebagai penanda sisi sejarah dan gaya seni bina Minangkabau. Rumah Gadang di Minangkabau dibentuk dengan ciri khas di mana bentuk bumbungnya menyerupai tanduk kerbau dan dipanggil gonjing. Masjid Tuo Kayu Jao mempunyai ciri seni bina Minangkabau yang terlihat pada atap yang terdapat di atas mihrab pada bangunan masjid. Karakter visual yang ada pada Masjid Tuo Kayu Jao pertama sekali ialah pintu yang masih dalam keadaan baik. Pintu masjid ini diperbuat dari kayu Surian/Suren yang kuat dan kukuh. Rekabentuk pintu ini kemungkinan telah mengalami beberapa perubahahan reka bentuk. Namun begitu, isu perubahan bentuk pintu masjid ini tidak dapat disahkan.

Seterusnya ialah jendela di mana ia mempunyai dua jenis jendela iaitu anak tetingkap dan tingkap kaca. Ringkasnya, karakter visual pada Masjid Tuo Kayu Jao merupakan penggabungan antara dua unsur iaitu agama dan adat. Bangunan masjid ini sangat iras dengan ciri khas bangunan Minangkabau. Karakter visual yang ada pada bangunan masjid menunjukkan ciri bangunan ibadah di Wilayah Sumatera Barat.

Kawasan sekitar menjadikan karakter visual dimiliki oleh masjid terjaga keasliannya. (Harun & Ridjal, n.d.)

Selanjutnya, melalui kajian Rihan Rizaldy Wibowo (n.d) yang bertajuk Elemen Fisik Masjid Baiturrahman Banda Aceh Sebagai Pembentuk Karakter Visual Bangunan bertujuan untuk mengkaji karakter visual dari bangunan Masjid Baiturrahman di Banda Aceh. Banda Aceh sangat terkenal dengan jolokan nama Serambi Mekkah kerana memiliki karakter yang kuat sebagai kota yang berlandaskan Islam bahkan sejak berabad-abad silam. Karakter visual pertama ialah atap di mana pada tahun 1935, masjid ini hanya mempunyai dua kubah disisi kiri dan kanan bangunan. Namun pada 1991 sehingga 1993 Masjid Baiturrahman telah memiliki tujuh kubah. Tujuh kubah ini merupakan pengaruh dari seni bina Mughal di India dan rekabentuknya adalah sama. Warna hitam pada kubah menunjukkan nilai kerohanian yang tinggi. Seterusnya ialah pintu iaitu Masjid Baiturrahman mempunyai banyak pintu untuk memasuki kawasan masjid. pintu masjid ini besar dan mempunyai banyak hiasan yang menghiasinya. Bahan yang digunakan untuk pintu ini ialah kayu dan warna adalah asal dengan corak. Masjid Baiturrahman juga mempunyai menara yang berketinggian 53 meter. Menara ini menjadi tumpuan kerana berada di tengah-tengah masjid.

karakter dari menara utama ini ialah mempunyai empat menara yang sama yang telah dibangunkan sebelum ini di kawasan halaman masjid. Bentuk menara ini juga sangat mirip dengan seni bina Mughal. Karakter visual akhir sekali ialah kolumn. Kolumn ini diperbuat daripada konkrit dan mempunyai hiasan khas seni bina Islam yang tebal. Warna putih kolumn ini disesuaikan dengan warna dinding masjid kerana ingin melambangkan kepada kebersihan dan kesucian bangunan Masjid Baiturrahman. Dapat disimpulkan bahawa karakter visual Masjid Baiturrahman merupakan gabungan agama dan keadaan sosial masyarakat. Kawasan sekitar merupakan unsur kepada karakter visual dalam memelihara keaslian masjid. Pengaruh masjid ini dari seni bina Mughal, India wajar digambarkan sebagai identiti kota Banda Aceh. (Wibowo, 2017)

2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, sorotan kajian yang dijalankan merupakan hasil pemerhatian dan pengkajian keseluruhan melalui penulisan ilmiah, jurnal serta buku yang dikaji dan ditulis oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji. Berdasarkan tinjauan kajian lepas, dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan informasi kepada isu yang ingin dikaji. Namun begitu, masih belum terdapat lagi kajian tentang pemeliharaan Masjid Lama Bandar Taiping. Bagi meneliti dengan lebih mendalam tentang CDE Masjid Lama Bandar Taiping, satu kajian dilakukan bagi mengisi kekosongan tersebut.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian yang akan dijalankan. Metodologi kajian meliputi pendekatan dan kaedah bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian merupakan teknik mengumpul dan menganalisis bukti yang dapat menyokong kajian yang dijalankan. Bagi mencapai objektif, metodologi kajian dijalankan secara sistematik. Di dalam bab ini akan membincangkan kaedah penyelidikan, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data, reka bentuk kajian dan intrument kajian.

Drs. Nazaruddin S.H (1974), menyatakan metodologi berasal dari perkataan Yunani iaitu terdiri daripada “*meta*” yang bermaksud ‘dengan’ dan “*odos*” bermaksud jalan. Maksud kepada “*logos*” pula ialah ilmu atau aliran. Menurut Kamus Dewan, metodologi bermaksud ilmu yang digunakan dalam metode atau sistem yang melingkupi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam kajian. Perkataan metode membawa maksud cara melakukan sesuatu atau sistem. Oleh itu, metodologi membawa maksud ilmu di dalam penyelidikan ilmiah. Metode merupakan satu perkara yang penting kerana ia amat diperlukan dalam memahami objek yang dijadikan sebagai kajian dan salah satu cara berkerja. Dari segi istilah pula, istilah metodologi bermaksud kajian mengenai kaedah terutama dalam bidang ilmiah. Takrifan lain ialah ilmu mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu bagi mencapai matlamat yang dirancang. Bagi Ahmad Mahdzan Ayob (1993:44), kaedah kajian adalah langkah atau prosedur bagi mencapai objektif kajian yang dijalankan mengikut kaedah sains (Drs. Nazaruddin S.H & Teuku Iskandar, n.d.).

3.2 Kaedah Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2014), hasil kajian dapat ditentukan melalui kaedah dan rekabentuk kajian, manakala rekabentuk kajian dapat ditentukan melalui tujuan kajian. Kajian penyelidikan yang berdasarkan kepada rangka kerja metodologi akan membincangkan tentang proses perancangan melalui rekabentuk penyelidikan yang membezakan kuantitatif dan kualitatif dalam menentukan kajian yang sesuai digunakan. Rekabentuk kajian ini penting kerana ianya dapat menjawab persoalan kajian dimana maklumat yang didapati dapat diguna pakai dalam kajian.


Bil	Objektif Kajian	Kaedah Kajian
1	Mengkaji latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping.	Kaedah Perpustakaan
2	Mengenalpasti <i>Character Defining Element</i> yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping.	Soal selidik
3	Menyiasat tahap pengekalan <i>Character Defining Element</i> Masjid Lama Bandar Taiping.	Pemerhatian

Jadual 3.1: Objektif Kajian dan Kaedah Kajian

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif mempunyai bentuk data yang berbeza dengan kaedah kuantitatif. Data kualitatif merupakan dalam bentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), penyelidikan kualitatif menggunakan pendekatan semula jadi untuk menyelidik sesuatu subjek dimana ia melibatkan kepelbagaiannya kaedah secara terfokus. Manakala menurut Cresswell (1994), penyelidikan kualitatif merupakan proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial (Zainuddin & Mohd Noor, n.d.).

Kaedah kualitatif biasanya mengguna persoalan seperti bagaimana, apa dan mengapa. Metod yang berkait rapat dengan rekabentuk kajian kualitatif sesuai dari bidang sains sosial seperti sosioloogi kualitatif, etnografi dan historiografi. Menurut Bryman (2008), kajian kuantitatif tidak menekankan pengiraan data yang dikumpul tetapi lebih kepada perkataan Beliau mengatakan proses kajian kualitatif bermula dengan mengetengahkan persoalan kajian yang umum, kemudian pemilihan subjek atau topik yang berkaitan. Proses yang seterusnya adalah pengumpulan data yang berkaitan dengan topik di mana hasil tafsiran data dan konsep sedia ada atau baru dapat ditentukan. Proses ini dibuat secara berulang untuk memperkemas dan menentukan persoalan yang jelas dan tepat. Pengumpulan data lanjutan dapat dilakukan sekeواس menjawab persoalan. Kemudian, penulisan temuan atau kesimpulan dapat diperolehi apabila teori atau konsep dapat ditentukan dengan kukuh (M. Basri, n.d.).



Rajah 3.2 Proses Kajian Kualitatif Sumber Bryman (2008)

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Penyelidikan kuantitatif merujuk kepada penglibatan responden yang menggunakan statistik dalam kajian yang melibatkan sekurang-kurangnya melebihi 10 sampel dalam mengukur pembolehubah bagi sesuatu kajian tersebut (Krejcie & Morgan, 1970: Cohen, 1992). Kaedah kuantitaif yang digunakan dalam kajian penyelidikan adalah melalui eksperimental dan data numerika yang diambil dari analisis dengan ujian statistik (Chua,2011). Menurut Chua, deskriptif dan inferensi merupakan kajian yang sesuai digunakan dalam penyelidikan kuantitaif. Kajian penyelidikan deskriptif membabitkan data yang diambil daripada populasi dan analisis umum yang digunakan dalam frekuensi, peratusan min, sisihan piawaian dan taburan skor. Manakala kajian inferensi ialah diambil dari satu sampel yang terpilih sahaja dan dikumpul untuk dijadikan sebagai data numerika dan digunakan dalam ujian statistik. (Ang Kean Hua, n.d.)

Umumnya, kaedah kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik. Borang soal selidik digunakan dalam kaedah ini dan bagi mendapatkan dapatan kajian yang benar ia akan diagihkan kepada bilangan responden yang telah ditetapkan. Bentuk soalan yang akan dikemukakan dalam soal selidik ini ialah soalan tertutup. Jenis soalan ini mudah untuk dianalisis dan responden mudah untuk menjawab kerana responden hanya perlu memilih satu daripada lima jawapan yang diberikan. Soal selidik dijalankan untuk memperoleh data bagi menganalisis dan mencapai objektif kajian.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Antara kaedah pengumpulan data dalam kajian ialah menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu data primer dan data sukender.

3.3.1 Data Primer

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer ialah data yang berasla daripada sumber asli atau pertama. Sumber data primer adalah responden dan informan. Data primer merupakan data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian (Yusof, 2003). Data seperti soal selidik, pemerhatian dantemu bual akan dikumpul melalui proses eksperimental atau kajian lapangan. Data primer merupakan data yang tidak terkumpul di dalam fail atau laporan (Ang Kean Hua, n.d.).

Data primer merupakan data yang didapati secara langsung dari pemerhatian. Peneliti akan memperoleh data atau maklumat secara langsug dengan menggunakan instrumen-instrumen yang telah ditetapkan. Pengumpulan data primer sangat penting dalam kegunaan pengambilan keputusan. Data primer lebih dianggap tepat data ini didapati lebih terperinci (Indriantoro dan Supomo, 2010:79) (Indriantoro & Supomo, n.d.)

Menurut Hassan (2002), data primer membawa maksud data yang diperoleh secara langsung di lapangan oleh penyelidik yang melakukan penelitian. Data primer akan memperolehi informasi melalui individu atau perseorangan seperti hasil wawancara yang dilakukan oleh pengkaji. Antara data primer lain ialah catatan hasil wawancara, hasil observasi lapangan dan data-data mengenai informan (Hassan, n.d.)

3.3.2 Data Sukender

Menurut Hassan (2002), data sekunder ialah data yang didapati atau dikumpulkan oleh penyelidik dari sumber yang telah sedia ada. Data ini adalah untuk menyokong informasi primer yang telah didapati dari bahan perpustakaan, kajian yang lepas, buku dan sebagainya (Hassan, n.d.). Marican (2005) menyatakan data sekunder merupakan data yang dikumpulkan oleh pengkaji lain. Sebagai contoh, data yang terkumpul dari kajian lepas. Bahan terbitan yang dikeluarkan akan dijadikan rujukan untuk mencipta informasi yang baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul pada masa depan. Contoh data sekunder ialah seperti demografi penduduk, majalah, surat khabar, dokumen pentadbiran dan arkib.

Kajian kepustakaan merupakan satu kaedah yang penting dalam mendapatkan maklumat serta idea berpandukan pada kajian yang dilaksanakan. Bagi mendapatkan maklumat tentang kajian seni bina Pengekalan CDE Masjid Lama Bandar Taiping melalui rujukan perpustakaan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini menggunakan sumber sukender dimana maklumat diperolehi daripada artikel atau jurnal, surat khabar atau sumber internet.

3.3 Kaedah Analisis Data

Analisis data secara ringkasnya ialah kaedah yang meletakkan fakta dan angka untuk menyelesaikan masalah mengenai kajuan. Analisis data penting untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian. Bahagian yang penting dalam penyelidikan ialah tafsiran data yang diambil daripada analisis data dan membuat inferens (J.W, 2014).

3.3.1 Kualitatif

Kaedah primer dan sukender digunakan dalam kualitatif untuk mengumpulkan data. Data yang dikumpulkan melalui kaedah primer seperti temu bual akan ditranskrip oleh pengkaji. Menurut Patton (1990), data kualitatif dapat dibahagikan kepada tiga iaitu hasil pemerhatian, hasil temubual dan hasil pembacaan (Agusta, n.d.). hasil temu bual akan dinyatakan dengan menggunakan kaedah tematik analisis. Analisis tematik ialah cara mengenal pasti tema-tema yang diperolehi melalui transkripsi temu bual tersebut. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik ialah cara menganalisa data dengan tujuan untuk mengenalpasti pola atau tema melalui data yang dikumpulkan (Heriyanto, 2018).

3.3.2 Kuantitatif

Kajian kuantitatif merupakan salah satu cara yang digunakan untuk menjawab masalah yang berkaitan dengan data berangka dan program statistik. Data-data ini akan dipamerkan dalam bentuk deskriptif statistik dan kemudiannya ditukar kepada bentuk peratusan. Deskriptif statistik ialah data yang

dikumpul, diproses dan disusun dalam bentuk mudah dibaca dan akan dihursti dengan teliti berdasarkan graf, carta dan jadual. Formula yang digunakan ialah jumlah skor jawapan pilihan dibahagikan dengan responden dan didarabkan dengan nilai seratus bagi mendapatkan angka peratusan.

Objektif Kajian	Kaedah Kajian	Instrumen Kajian	Kaedah Analisis Data
OK 1	Analisis dokumen	Laman sesawang, jurnal	Rujukan internet
OK 2	Kajian lapangan	Soalan soal selidik	Kajian lapangan
OK 3	Kajian lapangan	Rakaman video dan gambar	Kajian lapangan


Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

3.4 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merujuk kepada struktur logik sesebuah kajian itu. Ia menunjukkan tentang data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Rekabentuk kajian asasnya memberi kesan kepada sebab dan akibat yang dibuat mengenai kesan kepada campur tangan. Rekabentuk kajian melibatkan masalah yang logik dan tidak logik (Yin, 2009). Rekabentuk kajian menentukan kaedah kajian yang akan dijalankan iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Rekabentuk kajian di dalam kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kajian lapangan serta rekabentuk kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan.

Terdapat empat peringkat yang akan digunakan dalam kajian ini. Peringkat pertama iaitu kajian awalan merupakan proses mencari permasalahan dan objektif yang berkaitan dengan tajuk kajian. Seterusnya adalah mengulas tentang kajian lepas untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian. Bagi peringkat ketiga menyatakan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian seperti kaedah kualitatif dan kuantitatif. Peringkat akhir sekali ialah menganalisis data keseluruhan bagi mencapai objektif kajian yang

dibuat iaitu kajian pengekalan ‘*Character Defining Element*’ Masjid Lama Bandar Taiping. Berikut merupakan rajah 3.3 rekabentuk kajian:



Rajah 3.3: Rekabentuk Kajian

3.4.1 Kajian Soal Selidik

Kaedah kajian soal selidik merupakan tinjauan yang menggunakan soalan untuk mengumpul data kajian. Bentuk soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Pada Bahagian A tertumpu kepada data demografi reaponden. Pada bahagian B adalah

berkaitan tentang pengetahuan responden mengenai latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping. Seterusnya, bahagian C adalah mengenai penentu elemen yang ada pada Masjid Lama Bandar Taiping dan bahagian D berkaitan tahap pengekalan karakter Masjid Lama Bandar Taiping. Pada Bahagian B, C dan D menyatakan lima pandangan untuk setiap objektif. Kaedah yang digunakan adalah skala likert lima aras yang mengandungi lima pilihan jawapan iaitu sangat kuat, kuat, sederhana, lemah dan sangat lemah.

1	2	3	4	5
Sangat Kuat	Kuat	Sederhana	Lemah	Sangat Lemah

Jadual 3.2: Skala Likert Lima Aras

3.4.2 Kajian Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah berkaitan pencarian maklumat-maklumat umum dengan kata kunci berkaitan kajian. Kajian kepustakaan ini dilakukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, beberapa penulisan lepas berkaitan kajian dirujuk agar pengkaji tidak terpesong dari objektif kajian. Kajian kepustakaan yang dilakukan oleh pengkaji ialah dengan membuat carian di sumber internet. Antara contoh bahan yang diperolehi ialah artikel, tesis, jurnal dan buku. Kaedah kepustakaan dilakukan bagi menambahkan pengetahuan pengkaji berkaitan tajuk kajian dengan lebih mendalam.

3.5 Instrumen Kajian

Menurut Suharsimi Arikunto (2005), instrumen kajian merupakan alat yang dipilih dan digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian untuk mengumpul data agar lebih sistematik. Instrumen ini sama ada dalam bentuk temu bual atau soal selidik dan termasuk pembantu dalam proses pengumpulan data dan maklumat. Setiap instrumen yang dipilih perlu mempunyai keberkesanan terhadap data dan maklumat yang

diperolehi. Oleh itu, terdapat beberapa instrumen yang digunakan iaitu dalam bentuk rakaman audio, kamera digital, buku nota, soalan temu bual dan soalan soal selidik.

3.5.1 Soal Selidik

Menurut Tuckman (1988), kaedah soal selidik lebih mudah kerana mendapat kerjasama daripada responden. Responden bebas memilih, menyuarakan pandangan dan penilaian melalui soal selidik. Soal selidik dalam kajian ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang pengekalan elemen watak Masjid Lama Bandar Taiping. Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Pada Bahagian A tertumpu kepada soalan demografi iaitu mengenai latar belakang responden. Bahagian B adalah berkaitan tentang pengetahuan responden mengenai latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping. Seterusnya, bahagian C adalah mengenai penentu elemen yang ada pada Masjid Lama Bandar Taiping dan bahagian D berkaitan tahap pengekalan karakter Masjid Lama Bandar Taiping.

3.5.2 Rakaman Video

Rakaman video digunakan untuk merakam pendapat dari responden dan keadaan sekeliling bangunan Masjid Lama Bandar Taiping. Video merupakan gambar yang bergerak dan saling berturutan. Video merupakan elemen yang mudah untuk digunakan dalam kajian.

3.6 Kesimpulan

Tuntasnya, metodologi kajian sangat penting dalam menjalankan sesebuah kajian. Hal ini demikian kerana, pengaplikasian metodologi yang jelas dapat memberi maklumat yang tepat mendalam dalam sesuatu kajian. Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

Di dalam kajian ini, kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengumpulan data ialah melalui data primer dan data sekunder. Instrumen kajian yang digunakan adalah rakaman audio, rakaman video, soalan temu bual dan soalan soal selidik. Secara umumnya, metodologi kajian merupakan perancangan awal dalam sesuatu kajian sama ada ke arah kejayaan atau sebaliknya. Metodologi kajian yang digunakan haruslah memiliki teknik yang betul dan bersistematik. Hal ini adalah untuk memudahkan pengkaji bagi mendapat maklumat dan dapatan kajian yang tepat. Hal ini secara tidak langsung membolehkan pengkaji membuat rumusan dan perbincangan yang mendalam dalam bab seterusnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini membincangkan tentang maklumat dan data yang telah diperolehi oleh pengkaji berdasarkan objektif dan tajuk kajian yang di kaji. Dsri dapatkan kajian ini dapat membantu dalam pelaksanaan projek penyelidikan hal ini kerana objektif dapat dicapai melalui permasalahan yang terjawab di dalam kajian. Terdapat tiga objektif utama yang pengkaji fokuskan dalam kajian ini iaitu objektif pertama mengkaji latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping, objektif kedua ialah mengenal *Pasti Character Defining Element* yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping dan yang terakhir menyiasat tahap pengekalana *Character Defining Element* Masjid Lama Bandar Taiping.

Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan borang soal selidik bagi mengkaji sejauh mana masyarakat menilai elemen karakter yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping. Bagi objektif yang pertama iaitu mengkaji latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping, pengkaji menggunakan sumber sekunder untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian pengkaji. Bagi objektif kedua iaitu mengenalpasti *Character Defining Element* yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping pengkaji menggunakan kaedah kajian melalui soal selidik dan yang ketiga ialah menyiasat tahap pengekalana *Character Defining Element* Masjid Lama Bandar Taiping pengkaji menggunakan pemerhatian sebagai kaedah kajian yang dijalankan.

4.2 Mengkaji latar belakang Masjid Lama Bandar Taiping

4.2.1 Sejarah Masjid Lama Bandar Taiping

Bandar Taiping dahulunya dikenali sebagai Kelian Pauh yang terletak di Negeri Perak dan telah ditukar namanya pada tahun 1874 kepada Taiping sempena tamatnya Perang Larut. Pada ketika itu, bandar utama Negeri Perak ialah Taiping. Bangunan warisan seperti bangunan kerajaan, bangunan ibadat dan rumah kedai yang terdapat di Taiping lebih tertumpu kepada senibinya dari pengaruh Inggeris. Kebanyakan bangunan yang mempunyai pengaruh dari luar seperti senibina kolonial telah diimport dari China pada abad ke 16 hingga pertengahan abad ke 20. Senibina kolonial telah diubahsuai mengikut keadaan iklim Malaysia. Senibina yang dibawa oleh penjajah Eropah telah menjajah Malaysia seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Oleh itu, timbul reka bentuk bangunan yang mempunyai campuran pengaruh asing dan tempatan seperti Masjid Lama Bandar Taiping ini. Bagi pengkaji, masjid ini mempunyai keunikan tersendiri di mana setiap elemen pada masjid ini mempunyai karakter yang memberi tarikan kepada masjid ini.

Keistimewaan masjid ini ialah ia merupakan masjid pertama yang menggunakan batu-bata yang dibina pada tahun 1893. Masjid ini telah berdiri teguh sejak lebih dari 100 tahun dahulu lagi dan telah digazetkan sebagai bangunan warisan di Taiping. Walaupun zaman meniti arus kemodenan, setiap jejak sejarah dan budaya tempatan perlu dijaga supaya tidak ditelan dek zaman. Oleh itu, setiap warisan dalam seni binaan perlu dikekalkan agar sejarah dan asal usul Masjid Lama Bandar Taiping tetap akan dipelihara dan menjadi tatapan kepada generasi akan datang,

Sejarah pembangunan masjid ini ialah pada asalnya sebuah madrasah yang berstruktur kayu. Kemudian ia dibina semula menjadi masjid dengan menggunakan batu-bata dan mempunyai pengaruh seni bina Belanda. Masjid ini mempunyai keistimewaan di mana terdapat makam-makam terawal dan bersejarah

di bahagian luar. Antara makam yang terkebal ialah makam isteri Ngah Ibrahim iaitu Toh Puan Halimah bt Laksamana Mohd Amin yang meninggal dunia pada 12.12.1899, makam Tengku Menteri Wan Mohd Isa b. Ngah Ibrahim yang meninggal dunia pada 12.11.1923, kerabat-kerabat Long Jaafar, Sheikh Makhbuli, seorang ulama terkenal di daerah Taiping dan tokoh-tokoh tempatan yang lain.




4.3 Analisis Demografi Responden

Dalam bahagian ini akan mengandungi mengenai data-data yang mempuntai kaitan dengan latar belakang demografi bagi setiap responden yang terlibat dalam melengkapkan kajian ini. Maklumat yang diperolehi ini adalah berdasarkan bahagian-bahagian yang dijawab oleh setiap responden atau komuniti yang berada di daerah Taiping ini. Maklumat yang disebarluaskan melalui *google form* ini mengandungi soalan-soal selidik bagi mencapai objektif kedua ini. Maklumat-maklumat tersebut adalah berkaitan dengan umur, bangsa, status, taraf pendidikan, pekerjaan, dan hubungan dengan masjid.

4.3.1 Demografi Responden Berdasarkan Umur

UMUR	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
52-62 tahun keatas	24	16.1
43-52 tahun	24	16.1
33-42 tahun	23	15.4
23-32 tahun	60	40.3
13-22 tahun	18	12.1

JADUAL 4.1: Taburan responden mengikut jantina




Carta 4.1: Peratusan responden mengikut jantina

Taburan responden mengikut umur menunjukkan seramai 24 orang ataupun (16.1%) yang berusia dalam lingkungan 52-62 tahun. Manakala, seramai 24 orang ataupun (16.1%) responden yang berumur sekitar 43-52 tahun. Responden yang berumur 33-42 tahun pula mempunyai frekuensi seramai 23 orang ataupun (15.4%). Bagi responden yang berumur 23-32 tahun adalah seramai 60 orang ataupun (40.3%). Seramai 18 orang ataupun (12.1%) responden yang berumur 13-22 tahun. Golongan yang paling tinggi adalah dalam lingkungan 23-32 tahun. Hal ini adalah kerana, golongan ini lebih memahami dengan kajian yang ingin dibuat dan mempunyai pengetahuan tentang elemen karakter bangunan Masjid Lama Bandar Taiping. Oleh itu, data golongan umur 13-22 tahun lebih rendah berbanding golongan umur 23-32 tahun.

4.3.2 Demografi Responden Berdasarkan Bangsa

BANGSA	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Melayu	118	78.7
Cina	16	10.7
India	10	6.7
Dan lain-lain	6	4

Jadual 4.2: Taburan responden mengikut bangsa




Cart 4.2: Peratusan responden mengikut bangsa

Jadual 4.3 dan carta 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Ini menunjukkan bahawa seramai 118 orang atau (78%) responden merupakan dalam golongan bangsa Melayu. Bangsa Melayu merupakan kelompok Melayu. Bangsa Melayu merupakan kelompok yang terbesar daripada kelompok bangsa lain. Selain itu, responden dari kelompok bangsa Cina menunjukkan seramai 16 orang atau (10.7%) responden. Bagi bangsa India pula ia mengumpul seramai 10 orang atau (6.7%) responden. Manakala bagi responden berbangsa lain-lain ialah seramai 6 orang atau (4%) responden. Kelompok bagi bangsa lain-lain adalah responden yang rendah kerana majoriti daerah Taiping dari kelompok bangsa Melayu.

4.3.3 Demografi Responden Berdasarkan Status

STATUS	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS %
Bujang	85	56.7
Berkahwin	62	62
Duda/Janda	3	2

Jadual 4.3: Taburan responden mengikut status



Carta 4.3: Peratusan responden mengikut status


Jadual 4.3 dan carta 4.3 ini menunjukkan taburan responden mengikut status.

Responden yang berstatus bujang adalah seramai 85 orang atau (56.7%). Selain itu, bagi berstatus berkahwin pula adalah seramai 62 orang atau (62%) responden. Manakala, responden yang berstatus duda/janda menunjukkan yang paling rendah iaitu seramai 3 orang atau (2%) responden. Hal ini menunjukkan status bujang lebih tinggi berbanding status berkahwin dan duda/janda. Responden bujang paling ramai adalah kerana golongan ini berkunjung ke masjid untuk melakukan aktiviti ibadah.

4.3.4 Demografi Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan

TARAF PENDIDIKAN	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUSAN %
Sekolah Rendah	4	2.7
Sekolah Menengah	31	20.7
Diploma	46	30.7
Ijazah	68	45.3
Master	1	0.7

Jadual 4.4: Taburan responden mengikut taraf pendidikan



Carta 4.4: Peratusan responden mengikut taraf pendidikan


Taburan responden mengikut taraf pendidikan ini menunjukkan kelompok yang paling tinggi iaitu responden dari kalangan Ijaazah iaitu seramai 68 orang atau (45.3%). Responden dari sekolah rendah adalah seramai 4 orang atau (2.7%). Seramai 31 orang atau (20.7%) merupakan golongan dari kelompok sekolah menengah. Kemudian, taraf pendidikan Diploma pula adalah seramai 46 orang atau (30.7%). manakala, bagi taraf pendidikan bagi kelompok Master pula adalah seorang atau (0.7%). Hal ini menunjukkan bahawa kelompok golongan taraf pendidikan Ijazah merupakan yang paling tertinggi

berbanding yang lain. Hal ini kerana golongan ini mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai karakter elemen yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping.

4.3.5 Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan

PEKERJAAN	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Kerajaan	30	20
Swasta	13	8.7
Bekerja sendiri	34	22.7
Tidak bekerja	1	0.7
Pelajar	72	48

Jadual 4.5: taburan responden mengikut pekerjaan



Carta 4.5: Peratusan responden mengikut pekerjaan


Jadual 4.5 dan carta 4.5 menunjukkan demografi responden mengikut pekerjaan dimana kelompok yang tertinggi adalah daripada kelompok pelajar iaitu seramai 72 orang atau (48%). Responden dari kelompok pekerjaan kerajaan memiliki seramai 30 orang atau (20%). Kemudian, bagi kelompok pekerjaan swasta pula mempunyai seramai 13 orang ataupun (8.7%). Bagi responden

pekerjaan bekerja sendiri seramai 34 orang atau (22.7%) manakala bagi kelompok tidak bekerja adalah seorang atau (0.7%). Hal ini menunjukkan bahawa kelompok golongan pelajar yang paling tinggi dalam menjawab soal selidik berbanding dari kelompok yang lain. Ini berkemungkinan adalah kerana golongan pelajar merupakan golongan yang terdedah dengan pengetahuan mengenai elemen karakter bangunan Masjid Lama Bandar Taiping.

4.3.6 Demografi Responden Berdasarkan Hubungan Dengan Masjid

HUBUNGAN DENGAN MASJID	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Imam/AJK Masjid	9	6
Ahli kariah	32	21.3
Penduduk setempat	38	26.3
Pelawat	71	47.3

Jadual 4.6: Taburan responden mengikut hubungan dengan masjid



Carta 4.6: Peratus responden mengikut hubungan dengan masjid

Jadual 4.6 dan carta 4.6 menunjukkan demografi responden mengikut hubungan dengan masjid dimana seramai 9 orang atau (6%) merupakan Imam//AJK Masjid. Responden dari ahli kariah


adalah seramai 32 orang atau (21.3%) manakala bagi responden dari penduduk setempat adalah seramai 38 orang atau (26%). Responden yang terakhir dari kelompok pelawat adalah seramai 71 orang iaitu (47.3%). Hal ini menunjukkan bahawa kelompok pelawat lebih tinggi berbanding kelompok lain kerana responden ini lebih berminat untuk mengetahui keunikan ciri seni bina yang ada pada Masjid Lama Bandar Taiping.

4.4 Analisis Dapatan Sejauh Mana Elemen Binaan Masjid Memberi Identiti Kepada Masjid Lama Bandar Taiping.

4.4.1 Kepala Fasad

KEPALA FASAD	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	130	86.7
Kuat	20	13.3

Jadual 4.7: Taburan responden mengikut elemen kepala fasad




Carta 4.7: Peratusan responden mengikut elemen kepala fasad

Berdasarkan jadua 4.7 dan carta 4.7 menunjukkan bahawa seramai 130 orang atau (86.7%) menyatakan elemen kepala fasad sangat kuat manakala seramai 20 orang atau (13.3%) responden menyatakan kuat bagi elemen kepala fasad. Hal ini adalah menunjukkan kepala fasad mempunyai tarikan dan keunikan pada Masjid Lama Bandar Taiping. Penggunaan ragam hias kepala fasad bangunan yang berupa gevel dan geveltoppen menunjukkan satu ciri khas yang menonjol yang ada pada Masjid Lama Bandar Taiping. Dapatan kajian ini dapat dilihat dengan keseluruhan responden dapat menyatakan bahaa elemen kepala fasad merupakan karakter yang sangat ketara pada Masjid Lama Bandar Taiping.

4.4.2 Pedimen Kecil

PEDIMEN KECIL	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	126	84
Kuat	21	14
Sederhana	3	2

Jadual 4.8: Taburan responden mengikut elemen pedimen kecil




Carta 4.8: Peratusan responden mengikut elemen pedimen kecil

Jadual 4.8 dan carta 4.8 menunjukkan peratusan responden mengikut elemen pedimen kecil. Jadual dan carta ini menunjukkan bahagian responden yang menyatakan sangat kuat iaitu seramai 126 orang atau 84%. Bahagian kedua iaitu bahagian responden yang menyatakan kuat seramai 21 orang atau 14%. Bagi responden yang menyatakan elemen pedimen kecil sederhana ialah seramai 3 orang iaitu 2%. Dari dapatan kajian ini dapat dilihat secara keseluruhan responden menyatakan elemen pedimen kecil memberi karakter yang sangat kuat pada Masjid Lama Bandar Taiping. Hal ini kerana, gaya seni bina yang menggunakan unsur klasik ini memberi keunikan dan perbezaan dengan masjid-masjid lain yang berada di sekitar Taiping.

4.4.3 Bumbung Masjid

BUMBUNG MASJID	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	36	24
Kuat	20	13.3
Sederhana	63	42
Lemah	2	1.3
Sangat Lemah	29	19.3

Jadual 4.9: Taburan responden mengikut elemen bumbung masjid



Carta 4.9: Peratusan responden mengikut elemen bumbung masjid


Jadual 4.9 dan carta 4.9 menunjukkan peratusan responden mengikut elemen bumbung masjid.

Jadual dan carta ini menunjukkan bahagian responden yang menyatakan elemen bumbung masjid adalah sangat kuat seramai 36 orang atau 24% manakala bagi kuat adalah seramai 20 orang atau 13%. Bahagian responden yang menyatakan sederhana pula adalah seramai 63 orang atau 42%. Kemudian, bagi bahagian lemah adalah seramai 2 orang atau 1% dan bahagian terakhir iaitu sangat lemah adalah seramai 29 orang atau 20%. Dapatan data ini dapat dilihat bahawa responden menyatakan elemen bumbung masjid berskala sederhana sahaja dalam menentukan karakter elemen Masjid Lama Bandar Taiping. Hal ini kerana bumbung masjid telah mengalami pengubahsuaian dan menggunakan atap besi (metal deck). Jadi elemen yang ada pada bumbung ini menunjukkan karakter bersifat sederhana sahaja.

4.4.4 Pintu Masjid

PINTU MASJID	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	70	46.7
Kuat	28	18.7
Sederhana	37	24.7
Lemah	2	1.3
Sangat Lemah	13	8.7

Jadual 5.0: Taburan responden mengikut elemen pintu masjid



Carta 5.0: Peratus responden mengikut elemen pintu masjid

Jadual 5.0 dan carta 5.0 menunjukkan peratus responden yang menjawab elemen pintu masjid.


Jadual dan carta ini menunjukkan responden yang menyatakan elemen pintu masjid sangat kuat iaitu seramai 70 orang atau 46%. Bagi bahagian kuat seramai 28% atau 19% manakala responden yang menyatakan sederhana adalah seramai 37 orang atau 25%. Bagi responden yang menjawab elemen pintu masjid lemah ialah seramai 2 orang atau 1% manakala bagi sangat lemah adalah seramai 13 orang atau 9%. Dari dapatan data ini menunjukkan responden memilih pintu sebagai karakter yang sangat kuat

kerana pintu masjid ini mempunyai ciri keunikan yang tersendiri. Pintu masjid ini masih mengekalkan pintu grill sejak dahulu lagi.

4.4.5 Dinding masjid yang mempunyai fasad enam segi

DINDING MASJID YANG MEMPUNYAI FASAD ENAM SEGI	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	88	58.7
Kuat	29	19.3
Sederhana	22	14.7
Lemah	2	1.3
Sangat Lemah	9	6

Jadual 5.1: Taburan responden mengikut dinding masjid yang mempunyai fasad enam segi



Carta 5.1: Peratus responden mengikut dinding masjid yang mempunyai fasad enam segi


Jadual 5.1 dan carta 5.1 menunjukkan peratusan responden terhadap dinding masjid yang mempunyai fasad enam segi. Carta ini menunjukkan responden yang menjawab sangat setuju adalah paling tinggi iaitu seramai 88 orang atau 59% manakala kuat adalah seramai 29 orang atau 19%.

Seterusnya, bagi bahagian sederhana seramai 22 orang atau 15% yang menjawab. Bagi taburan responden yang menjawab lemah adalah seramai 2 orang atau 1% manakala bagi taburan responden yang menjawab sangat lemah adalah seramai 9 orang atau 6%. Hal ini dapat dilihat bahawa elemen dinding masjid ini berbeza dengan masjid lain di sekitar Taiping. Dinding masjid ini menjadi tarikan kerana keunikannya yang mempunyai enam segi dan menunjukkan pengaruh luar yang ada pada masjid ini.

4.4.6 Tingkap Masjid

TINGKAP MASJID	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	35	23.3
Kuat	21	14
Sederhana	55	36.7
Lemah	9	6
Sangat Lemah	30	20

Jadual 5.2: Taburan responden mengikut elemen tingkap masjid




Carta 5.2: Peratus responden mengikut elemen tingkap masjid

Taburan responden ini menunjukkan bahagian responden yang menjawab mengikut elemen tingkap masjid. taburan responden yang menjawab sangat kuat adalah seramai 35 orang atau 23% manakala bagi kutipan data yang menjawab kuat adalah seramai 21 orang atau 14%. Bagi responden yang menjawab sederhana adalah seramai 55 orang atau 37%. Bagi kutipan data responden yang menjawab bahagian lemah adalah seramai 9 orang atau 6% manakala bagi taburan responden yang menjawab sangat lemah adalah seramai 30 orang atau 20%. Jadi, kutipan data ini menunjukkan peratus sederhana terpaling tinggi antara yang lain. Hal ini kerana, tingkap ini telah diubahsuai kepada jendela berjari (*radius window*) tetapi masih mengekalkan lengkungan pada tingkap. Tingkap masjid ditukar kepada lebih moden hal ini kerana tingkap ini boleh membiarkan udara segar masuk atau membiarkan cahaya masuk sahaja. Jadi, ini akan memberik keselesaan kepada jemaah masjid.

4.4.7 Tiang Masjid (*Decorated column*)

TIANG MASJID (DECORATED COLOMN)	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	47	31.3
Kuat	21	14
Sederhana	52	34.7
Lemah	8	5.3
Sangat Lemah	22	14.7

Jadual 5.3: Taburan responden mengikut elemen tiang masjid (*decorated column*)




Carta 5.3: Peratus responden mengikut elemen tiang masjid (*decorated column*)

Taburan responden ini menunjukkan bahagian mengikut elemen tiang masjid (*decorated column*). Carta di atas menunjukkan responden yang menjawab sangat kuat mempunyai taburan responden sebanyak 47 orang atau 31%. Bagi bahagian kuat pula taburan responden ialah seramai 21 orang atau 14% manakala bagi responden yang menjawab sederhana pula ialah seramai 52 orang atau 35%. Bagi responden yang menjawab lemah pula mempunyai seramai 8 orang atau 5% manakala bagi responden yang menjawab sangat lemah ialah seramai 22 orang atau 15%. Hal ini menunjukkan bahawa elemen tiang masjid mempunyai karakter yang sederhana dalam penentu elemen karakter yang ada pada Masjid Lama Bandar Taiping. Penggunaan tiang ini adalah untuk memberi sokongan kepada bangunan.

4.4.8 Pinnacle

PINNACLE	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	85	56.7
Kuat	30	20
Sederhana	29	19.3
Lemah	2	1.3
Sangat Lemah	4	2.7

Jadual 5.4: Taburan responden mengikut elemen *pinnacle*



Carta 5.4: Peratus responden mengikut elemen *pinnacle*

Jadual 5.4 dan carta 5.4 di atas menunjukkan taburan responden mengikut elemen *pinnacle*.


Taburan responden yang menunjukkan responden yang menjawab sangat kuat adalah responden yang tertinggi dalam dapatan kajian ini yang menunjukkan seramai 85 orang atau 57% manakala bagi kedudukan kedua yang tertinggi dalam dapatan kajian ini ialah responden yang menjawab kuat memiliki taburan responden yang menjawab kuat memiliki taburan responden sebanyak 30 orang atau 20%. Bagi kedudukan ketiga yang tertinggi ialah taburan responden yang menjawab sederhana iaitu seramai 29

orang atau 19%. Bagi responden yang menjawab lemah adalah seramai 2 orang atau 1% manakala bagi responden yang menjawab sangat lemah adalah seramai 4 orang atau 3%. Elemen *pinnacle* memberi karakter yang ketara kerana ia merupakan satu hiasan yang memberi identiti pada Masjid Lama Bandar Taiping. Elemen *pinnacle* ialah satu hiasan yang menunjukkan bangunan ini mempunyai seni bina yang dipengaruhi luar.

4.4.9 Gerbang pintu masjid

GERBANG PINTU MASJID	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS %
Sangat Kuat	99	66
Kuat	31	20.7
Sederhana	18	12
Sangat Lemah	2	1.3

Jadual 5.5: Taburan responden mengikut elemen gerbang pintu masjid



Carta 5.5: Peratus responden mengikut elemen gerbang pintu masjid

Jadual 5.5 dan carta 5.5 diatas menunjukkan bahawa taburan dapatan kajian mengenai elemen gerbang pintu masjid yang menjadi karakter pada Masjid Lama Bandar Taiping. Dari hasil dapatan menunjukkan responden yang menjawab sangat kuat merupakan responden yang paling tinggi iaitu seramai 99 orang atau 66% manakala bagi responden yang menjawab kuat pula ia merupakan responden kedua tertinggi iaitu seramai 31 orang atau 21%. Responden yang ketiga tertinggi adalah merupakan responden yang menjawab sederhana ialah seramai 18 orang atau 12% manakala bagi responden yang terendah pula adalah yang menjawab sangat lemah yang mengumpul data seramai 2 orang atau 1%. Hal ini dapat dilihat bahawa reka bentuk gerbang pintu masjid mempunyai lengkungan dimana tingkap berbentuk gerbang membawa kelembutan pada sesuatu ruang. Elemen gerbang pintu masjid membawa simbolik untuk membiarkan udara segar atau cahaya masuk.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Menyiasat tahap pengekalan CDE Masjid Lama Bandar Taiping

Masjid Lama Bandar Taiping merupakan salah satu bangunan kolonial yang menjadi ikon di kawasan Bandar Taipun dan masih kekal bertahan hingga kini. Namun begitu terdapat beberapa bahagian fasad yang telah mengalami perubahan disebabkan oleh transformasi ruang. Fasad bangunan yang telah berubah sedikit demi sedikit mula mengaburkan karakter visual dari gaya bangunan. Menurut Hidayatun (2004) menyatakan agama, sosial-budaya, ekonomi dan politik serta iklim memberikan pengaruh yang besar kepada bentuk-bentuk arkitektur yang terjadi pada masa dan tempat tertentu. Masjid Lama Bandar Taiping merupakan masjid yang paling tua dan berdiri teguh di bandar Taiping. Mengikut pemerhatian pengkaji, masjid ini telah mengalami perubahan yang agak banyak tetapi masjid ini masih mengekalkan identiti masjid ini. Antara elemen yang dikenekalkan adalah seperti:

- a) Kepala fasad
- b) Pedimen kecil
- c) Bumbung masjid
- d) Pintu masjid
- e) Dinding masjid yang mempunyai fasad enam segi
- f) Tingkap masjid
- g) Tiang masjid
- h) *Pinnacle*
- i) Gerbang pintu masjid



Gambar 4.1: Masjid Lama Bandar Taiping (Terdahulu)

Sumber: Google Image



Gambar 4.2: Masjid Lama Bandar Taiping (Terkini)

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

4.3.1 Kepala fasad

Keistimewaan Masjid Lama Bandar Taiping ialah mempunyai kepala fasad di hadapan fasad bangunan. Tidak seperti masjid di sekitar Taiping, masjid ini tidak mempunyai kubah dan menara. Kepala fasad ini menunjukkan ciri-ciri seni bina yang dipengaruhi oleh arkitektur kolonial Belanda. Kepala fasad atau spesifiknya disebut sebagai gevel merupakan bahagian dari atap untuk menaungi bahagian tingkat bangunan. Gevel biasanya menyerupai bentuk segitiga dan bentuk persegi atau bujur sangkar.

Di tengah kepala fasad terdapat ragam hias yang membentuk gerbang runcing. Gerbang runcing ini merupakan salah satu seni bina yang penting dalam seni bina Gothic. Selain itu, terdapat juga ragam hias motif stilasi tumbuhan pada fasad bangunan. Pola yang digunakan adalah pola perulangan motif mengikut pola simetri gevel bangunan . Kepala fasad ini masih berkeadaan baik seperti asal. Ia tidak berlaku sebarang perubahan dari segi bentuk dan masih mengekalkan ciri yang sama. Tetapi berlaku perubahan pada warna sebanyak beberapa kali di mana dahulunya kepala fasad ini berwarna kuning cair dan warna terkini ialah kelabu.



Ganbar 4.3: Kepala Fasad

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

4.3.2 Pedimen Kecil

Pengaruh reka bentuk Belanda pada masjid ini sangat kuat dimana terdapat pedimen kecil yang menghiasi di pada bangunan masjid ini. Pedimen kecil menggambarkan elemen hiasan yang menyerupai pedimen tradisional. Pedimen kecil ini merupakan hiasan yang berbentuk segi tiga yang berlekuk. Ia mempunyai corak dalaman berbentuk Dharmachakra yang merupakan pengaruh dari India. Simbol ini digunakan meluas dalam agama India. Pedimen kecil ini masih dikekalkan seni binanya dari awal penubuhannya lagi. Pedimen ini masih mengekalkan bentuk dan corak yang sama. Tidak berlaku sebarang perubahan pada pedimen ini kecuali perubahan warna yang telah dicat kepada warna kelabu.



Gambar 4.4: Padimen Kecil

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

4.3.3 Bumbung Masjid

Bentuk bumbung Masjid Lama Bandar Taiping ini sangat bercirikan sebagai bangunan peninggalan kolonial Belanda yang berbentuk limas. Ciri bentuk bumbung ini boleh dikatakan seperti bentuk perisai. Namun begitu, atap ini mengalami perubahan material dengan menggantikan jenis material yang baru. Perubahan struktur pada atap serta bentuk atap dibuat tidak jauh berbeza dengan bentuk atap kolonial. Hal ini adalah supaya ia tidak menghilangkan karakter pada bangunan sebagai bangunan peninggalan kolonial Belanda. Atap ini menggunakan jenis atap besi (*metal deck*). Kelebihan atap ini ialah ia lebih tahan lama dan susah terhakis. Tahap pengekalan pada atap ini ialah dari segi bentuknya tetapi telah berlaku perubahan material. Atap ini masih kelihatan baik.




Gambar 4.5: Bumbung Masjid Lama Bandar Taiping

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

4.3.4 Pintu Masjid

Salah satu elemen yang penting bagi fasad bangunan ialah pintu masjid. Pintu masjid ini mempunyai dua pintu bagi bahagian muslimin dan muslimat. Kedua-dua bahagian pintu dipasang *grill*. Jenis pintu yang digunakan adalah pintu gelangsar. Hal ini menunjukkan bahawa pintu ini telah diubahsuai. *Grill* yang dipasang adalah bertujuan untuk keselamatan. Tahap pengekalan pada pintu ini ialah di mana pintu ini telah megalami perubahan yang ketara. Dahulu masjid ini menggunakan daun pintu kayu dan kemudiannya ditukar kepada pintu gelangsar. Masjid ini masih mengekalkan *grill* pada setiap pintu seperti asal.



Gambar 4.6: Pintu Masjid Lama Bandar Taiping

Sumber: Lapangan Kajian, 2022

4.3.5 Dinding masjid yang mempunyai fasad enam segi

Keunikan yang ada pada majid ini ialah dimana masjid ini mempunyai struktur dinding secara fasad enam segi. Komposisi fasad bangunan ini berbentuk geometri persegi. Perubahan yang terdapat pada dinding ialah adanya penambahan dinding bata serta warna cat dinding yang telah berubah. Dinding masjid ini mengalami pengubahsuaian yang ketara dimana dinding ditambah mengikut bentuk pelan baru yang sesuai dengan reka bentuk masjid.



Gambar 4.7: Dinding Masjid Lama Bandar Taiping

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

4.3.6 Tingkap Masjid

Tingkap Masjid Lama Bandar Taiping berbentuk gerbang dimana bahagian bawah tingkap adalah segi empat tepat manakala bahagian atas adalah lengkungan atau separuh bulatan. Terdapat grid pada reka bentuk tingkap gerbang ini. Grid ini adalah untuk membahagikan kaca tingkap kepada anak tetengkap yang lebih kecil untuk estetik. Dahulu masjid ini menggunakan tingkap jenis ram kaca. Saiz bingkai ialah 1.143 meter di mana bilangan kepingan ram kaca ini ialah 8. Saiz bagi ram kaca iaitu 150mm lebar manakala ketebalannya ialah 5mm tebal, bagi Panjang ram kaca adalah mengikut luas bukaan kerangka. Untuk mengurangkan masa dan penggunaan bahan, sepasang bingkai ram boleh dipasang menjadi jenang di antara dua tingkap, tetapi ia hanya sesuai bagi tingkap yang setinggi 8 keping ram. Tahap pengekalan bagi tingkap masjid ini ialah di mana tingkap ini mengalami pengubahsuaian dari tingkap jenis ram kaca boleh laras kepada tingkap jejari.



Gambar 4.8: Tingkap jenis ram kaca (sebelum)

Sumber: Google Image



Gambar 4.9: Tingkap jejari (*radius window*)

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

4.3.7 Tiang masjid (*decorated column*)

Tiang masjid ini didominasi dengan bentuk kolom persegi dan bentuk yang sederhana Selain itu, terdapat juga tiang yang memiliki hiasan plaster pada bahagian atas yang sederhana. Hiasan plaster ini berbentuk garis-garis persegi panjang yang memberi kesan geometris. Perubahan yang terjadi pada tiang ini adalah perubahan warna cat pada tiang. Pada tiang ini terdapat *capital* yang membentuk ahli paling atas bagi lajur. Tiang masjid ini juga mempunyai *Architrave* di mana ia berfungsi sebagai rasuk mendatar yang terletak pada bahagian atas baris lajur. Butress yang terletak pada bawah tiang adalah untuk menguatkan atau menyokong struktur bangunan. Tahap pengekalan bagi tiang masjid ini ialah masih dalam keadaan baik dan tidak mengalami sebarang perubahan seperti asal.



Gambar 5.0: Tiang Masjid

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.8 Pinnacle

Terdapat hiasan tiang kecil atau dipanggil *pinnacle* di atas bangunan masjid ini. Tiang kecil ini berbentuk botol dimana ia menunjukkan elemen gaya seni bina roman. *Pinnacle* ini diperbuat daripada batu dan tujuannya adalah untuk hiasan. Fungsi *pinnacle* ini adalah untuk menghalang dinding bangunan daripada senget dan membolehkan kestabilan struktur dikekalkan. Tahap pengekalan bagi *pinnacle* ini ialah tidak mengalami sebarang perubahan struktur.




Gambar 5.1: *Pinnacle*

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

4.3.9 Gerbang pintu masjid

Pengaruh yang ada pada masjid ini adalah gerbang pintu dimana gerbang ini sering kali digunakan dalam seni bina Roman. Ia adalah gaya tertentu yang biasa di Eropah dari pertengahan abad ke-12 hingga abad ke-16. Gerbang ini menunjukkan seni bina yang penting dalam seni bina Gothic. Seni bina gerbang mula digunakan dalam seni bina Islam tetapi pada abad ke-12 ia mula digunakan di Perancis dan England sebagai elemen yang penting. Gerbang pintu ini menjadi satu karakter yang penting bagi menunjukkan pengaruh Belanda yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping ini. Tahap pengekalan bagi gerbang ini masih dikenal seni bina yang sama tetapi mengalami perubahan cat warna sahaja.



Rajah 5.2: Gerbang Pintu Masjid

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini adalah membincangkan secara menyeluruh dan ringkas mengenai kajian yang dilakukan dan membuat rumusan mengenai dapatan terhadap setiap objektif kajian. Perbincangan ini akan menjadi tanda aras terhadap keberkesanan dapatan analisis yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, di bahagian ini pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan yang relevan. Hal ini adalah untuk memudahkan para penyelidik merangka perancangan untuk melakukan kajian berkenaan Masjid Lama Bandar Taiping di masa hadapan. Sememangnya projek penyelidikan ini dapat membantu para penyelidik pada masa hadapan dengan mencapai maklumat yang diingini kelak. Usaha yang banyak oleh semua pihak diperlukan bagi memartabatkan lagi Masjid Lama Bandar Taiping.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini adalah merumuskan tentang hasil perolehan daripada tajuk kajian pengkaji tentang Kajian Pengekalan ‘*Character Defining Element*’ Masjid Lama Bandar Taiping. Perbincangan mengenai hasil kajian dilakukan berdasarkan pada analisis data pada ketiga-tiga objektif kajian yang telas diuraikan dalam bab empat.

5.2.1 Mengkaji Latar Belakang Masjid Lama Bandar Taiping

Objektif ini membincangkan tentang sejarah yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping. Pertama sekali, pengkaji mendapati bahawa Masjid Lama Bandar Taiping dibina mengikut pengaruh dari Belanda Inggeris. Maklumat ini diperolehi daripada pembacaan pengkaji di laman sesawang. Pengkaji juga mendapati bahawa masjid ini asalnya sebuah madrasah dan dibina semula menjadi masjid yang kekal utuh sehingga 100 tahun. Keunikan pada masjid ini juga adalah terdapat pemakaman tokoh dan ulama terkenal seperti isteri Ngah Ibrahim iaitu Toh Puan Halimah Bt Laksamana Mohd Amin, Tengku Menteri Wan Mohd Isa b. Ngah Ibrahim, kerabat-kerabat Long Jaafar, Sheikh Makhbuli, seorang ulama terkenal di daerah Taiping.

5.2.2 Mengenalpasti ‘*Character Defining Element*’ Yang Terdapat Pada Masjid Lama Bandar Taiping

Masjid Lama Bandar Taiping mempunyai keistimewaan bukan sahaja dari segi sejarah pembinaannya malah yang paling ketara dapat dilihat dari sudut fizikal adalah asimilasi pengaruh seni bina. Asimilasi yang dikenalpasti adalah gaya seni bina kolonial lama Inggeris. Objektif ini dikenalpasti melalui soalan soal selidik yang dijawab oleh responden dari kawasan sekitar Taiping.

Analisis menunjukkan bahawa pengaruh seni bina kolonial atau Inggeris mendominasi kepada hampir keseluruhan fasad luaran bangunan seperti kepala fasad, padimen kecil, pintu masjid, dinding masjid yang mempunyai fasad enam segi, pinnacle, gerbang pintu masjid. Hal ini menunjukkan terdapat unsur Inggeris yang kuat pada bangunan sehingga memberi karakter tersendiri pada masjid ini. Daripada pandangan pengkaji, seni rekaan bangunan Masjid Lama Bandar Taiping menunjukkan pengaruh

dari luar iaitu pengaruh Inggeris Belanda walaupun telah banyak pengubahsuaian yang dilakukan. Masjid ini masih mengekalkan elemen-elemen penting yang memberi identiti kepada masjid ini. Oleh hal yang demikian, wujudlah satu aspek yang ketara iaitu terhasil suatu yang unik dan menarik tentang seni bina masjid ini.

5.2.3 Menyiasat tahap pengekalan CDE Masjid Lama Bandar Taiping

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas pengaruh senibina Masjid Lama Bandar Taiping ini, usaha-usaha pemeliharaan perlu dilakukan bagi menghasilkan dokumentasi data dan maklumat secara sistematik berkenaan bangunan sejarah. Umum mengetahui, masjid ini merupakan masjid yang tertua dimana ia berdiri tegus 100 tahun dahulu. A. Ghafar (2000) menyatakan bangunan bersejarah sebagai salah satu bangunan yang mempunyai unsur sejarah, budaya dan nilai seni bina yang unik. Definisi bangunan bersejarah dapat menggambarkan kepelbagaiannya reka bentuk dan seni bina yang memberi perbezaan mengikut ciri-ciri binaan bangunan yang mempunyai nilai-nilai warisan dan keindahan yang tinggi.

Di dalam objektif ini, pengkaji dapat menyimpulkan tahap pengekalan pada elemen setiap masjid ini berubah. Di mana terdapat beberapa elemen seperti jenis tingkap, pintu dan bumbung telah diubahsuai. Elemen-elemen seperti kepala fasad, padimen kecil, dinding masjid, tiang masjid, pinnacle dan gerbang pintu masjid dikekalkan.

5.3 Cadangan

5.3.1 Membuat Dokumentari

Bagi memperkenalkan Masjid Lama Bandar Taiping kepada seluruh negara berkenaan keunikan senibina masjid ini, dokumentari merupakan satu kaedah yang berkesan. Dokumentari yang dibuat ditayang melalui media massa dan kava television adalah bagi menarik minat orang ramai mengenai keunikan seni bina masjid ini. Dengan ini orang ramai akan mengetahui tentang sejarah dan warisan mengenai masjid.

5.3.2 Mengadakan Promosi

Bagi menonjolkan keunikan seni bina masjid ini kepada orang awam malahan masyarakat di negeri Taiping, pihak berkenaan bertanggungjawab mengadakan promosi tentang masjid ini. Jadi, masyarakat akan lebih mengetahui dan berminat melawat masjid ini. Promosi yang boleh di buat bagi menarik minat pelancong ialah dengan mengadakan aktiviti keagamaan seperti ceramah agama, solat berjemaah dan juga pameran tentang sejarah Masjid Lama Bandar Taiping. Selain itu, agensi pelancongan juga memainkan peranan dengan memperkenalkan warisan yang ada pada sekitar Taiping dengan membawa pelancong melawat masjid ini.

5.4 Rumusan Bab

Kesimpulannya, projek penyelidikan ini adalah bagi mengenalpasti *Character Defining Element* masjid ini melalui seni binanya dan juga tahap keaslian masjid ini. Pengkaji berharap dengan kajian ini dapat membantu mendapatkan maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat dan penyelidik yang mengkaji tentang Masjid Lama

Bandar Taiping. Cadangan yang dibuat adalah bagi memberi kesedaran akan kewujudan masjid ini serta sejarah yang terdapat pada Masjid Lama Bandar Taiping.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

Abd Ghafar, M. S. (2015). *Pengaruh Simbolisme Seni Bina Pada Masjid. Kajian Kes Masjid Kristal Kuala Terengganu.*

Agusta, I. (n.d.). *Teknik Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif.*

Ahmad, A. B., & Mujani, W. K. (n.d.). *Seni Bina Islam: Satu Pengamatan.*

Ang Kean Hua. (n.d.). *Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes.*

Arum Dani Yati. (n.d.). *Fungsi Manajamen Masjid Dalam Pelaksanaan Kegiatan Dakwah Di Masjid Al-Ikhlas Jati Mulyo Kecamatan Jati Agung Kabupaten Lampung Selatan.*

Azmi, N. F., Shamsul Harumain, Y. A., Shah Ali, A., Zaini, S. F., & Abdullah, M. F. (n.d.). *Character Defining Elements of Shophouses Building in Taiping, Perak.*

Basri, F. (n.d.). *Seni Bina Masjid Di Malaysia.*

Basri, M. (n.d.). *Kaedah Kajian.* https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian

Drs. Nazaruddin S.H & Teuku Iskandar. (n.d.). *Publisiti Dakwah, Jakarta & Kamus Dewan Edisi baru, Kuala Lumpur.*

Ghozali, I., & Zuhri Syaifuddin. (n.d.). *Elemen Dekorasi Arsitektur Masjid sebagai Komponen Daya Tarik pada Wisata Religi.*

https://www.researchgate.net/publication/345784663_Elemen_Dekorasi_Arsitektur_Masjid_sebagai_Komponen_Daya_Tarik_pada_Wisata_Religi

Harun, F. D., & Ridjal, M. A. (n.d.). *Karakter Visual Bangunan Masjid Tuo Kayu Jao Di Sumatera Barat.*

Hassan, M. iQBAL. (n.d.). *Pokok-pokok Materi Metodologi Penelitian dan Aplikasinya.*

Heriyanto. (2018). Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif. *ANUVA*, 2(3), 317–324.

Idid, S. Z. A. (1996). *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar: Panduan mengenali Warisan Malaysia.*

Indriantoro, & Supomo. (n.d.). *Definisi Data Primer.*

Ismail, N. H., Haron, H., Ramli, Z., & Abdul Manan, S. (n.d.). (PDF) *Keindahan rekabentuk masjid melayu.*

https://www.researchgate.net/publication/305285933_Keindahan_rekabentuk_masjid_melayu

Iszahanid, H. (2017). *Keunikan Taiping Bandar Warisan.*

<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/264462/keunikan-taiping-bandar-warisan>

Jaani, J. (n.d.). *Research Methodology.* <https://dokumen.tips/documents/sorotan-kajian-5657343710bae.html?page=3>

Jabatan Warisan Negara. (n.d.). *Pemuliharaan Bangunan Kolonial*. Retrieved August 11, 2022, from
https://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=77&Itemid=438&lang=ms

Jasbindar Aziz, F. (2019). *Masjid Lama Bandar Taiping, Masjid Paling Tua Di Taiping*.

<https://www.orangperak.com/masjid-lama-bandar-taiping-masjid-paling-tua-di-taiping.html>

J.W, J. A. (2014). *Communication Research Methods*.

https://www.academia.edu/8135057/Methods_of_Data_Analysis

Kurniawan, S. (2014). Masjid Dalam Lintasan Sejarah Umat Islam. In *Jurnal Khatulistiwa-Journal of Islamic Studies* (Vol. 4).

Lee H. Nelson, & FAIA. (n.d.). *Architectural Character—Identifying the Visual Aspects of Historic Buildings as an Aid to Preserving their Character*. <https://www.nps.gov/tps/how-to-preserve/briefs/17-architecturalcharacter.htm>

Majlis Perbandaran Taiping. (n.d.). *Info Taiping*. <http://www.mptaiping.gov.my/ms/pelawat/info-taiping>

Mohd Shafie, B. H., Talib, N. H. F., Tamuri, Ab. H., & Talib, A. T. (n.d.). *Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani*.

https://www.researchgate.net/publication/283477925_Masjid_Menjana_Pembentukan_Belia_Rabbani

Mohd Zain, N., Rosland, A., Ab Halim, A., & Ahmad Faisal Abdul Hamid, F. (n.d.). *Masjid Besi, Putrajaya*:

Rekabentuk Dan Hubungannya Dengan Senibina Islam.

http://www.masjidtuankumizan.gov.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=50&Itemid=60

Nazeerdin, M. M. (n.d.). *Kajian Terhadap Pemuliharaan Masjid Lama Pelangai, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.*

Park Canada. (2009). *The Federal Heritage Buildings Review Office.*

Wibowo, R. R. (2017). Elemen Fisik Masjid Baiturrahman Banda Aceh sebagai Pembentuk Karakter Visual

Bangunan. *Seminar Ikatan Peneliti Lingkungan Binaan Indonesia*, A139–A144.

<https://doi.org/10.32315/sem.1.a139>

Zaini, Z. (2006). *Sistem Maklumat Geografi Dalam Penentuan Pemeliharaan Kawasan Warisan.*

Zainuddin, Z. A., & Mohd Noor, S. A. (n.d.). *Metodologi Kajian Kualitatif.*

https://www.academia.edu/12922669/METODOLOGI_KAJIAN_KUALITATIF

Zuraidi, S. N. F. (2014). *Model Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah.*

LAMPIRAN

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan <i>Faculty of Creative Technology and Heritage</i>											
RIU (KAMI) (Our Ref : UMK-A02-B00-4/7/14 JILID 9 (25)) TARIKH (Date) : 22 SEPTEMBER 2022												
<p>Majlis Perbandaran Taiping, Wisma Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping Perak</p> <p>Tuan,</p> <p>MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMKMENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH</p> <p>Dengan hormatnya saya menujuk kepada perkara di atas.</p> <p>2. Direklikum bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan I (CFT 3124). Nama pelajar adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>Nama Pelajar</th> <th>No Matrik</th> <th>No. KIP</th> <th>Program</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Ayu Idina Binti Ajhari</td> <td>C19A0080</td> <td>990308026933</td> <td>Lebih Sarjana Muda Pengajaran Warisan dengan Kapujan</td> </tr> </tbody> </table> <p>3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.</p> <p>Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan dihadului dengan ucapan ribuan terima kasih.</p> <p>Sekian.</p> <p>"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT" "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" "BERKEDIRAMAT UNTUK NEGARA"</p> <p>Saya yang menjalankan amanah,</p> <p style="text-align: center;">  PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar) </p>			BIL	Nama Pelajar	No Matrik	No. KIP	Program	1	Ayu Idina Binti Ajhari	C19A0080	990308026933	Lebih Sarjana Muda Pengajaran Warisan dengan Kapujan
BIL	Nama Pelajar	No Matrik	No. KIP	Program								
1	Ayu Idina Binti Ajhari	C19A0080	990308026933	Lebih Sarjana Muda Pengajaran Warisan dengan Kapujan								
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN												
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 	Kampung Sechuk Bag Bertuah (Locked Bag) No. 81, 16200 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA	Tel : 609 79 260 Fax : 609 79 262										

Gambar 1: Surat Kebernararan Untuk Pelakar Menjalankan Kajian



Gambar 2: Pelawat membantu mengisi Google Form

UNIVERSITI
[redacted]
MALAYSIA
[redacted]
KELANTAN



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN